

DARIPADA Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, ia berkata :
Maksudnya : "Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lebih pemalu daripada
anak gadis yang ada di dalam biliknya. Apabila Baginda melihat
sesuatu yang tidak disukainya, kami dapat mengetahui hal itu
daripada raut wajahnya".
(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

KERJASAMA PELBAGAI BIDANG TERUS DIPERTINGKATKAN

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Ahad, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama General Secretary of the Communist Party of Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Headquarters of the Communist Party of Viet Nam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama the General Secretary of the Communist Party of Viet Nam.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama General Secretary of the Communist Party of Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

Memperkukuh budaya profesionalisme, kesaksamaan, kesejahteraan psikologi tempat kerja

Oleh : Noorati Hajj Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - Isu gangguan di tempat kerja bukanlah sekadar isu disiplin, malahan ia juga isu yang menjejaskan kesejahteraan mental, emosi dan sosial para penjawat awam.

Gangguan dalam apa juga bentuk boleh menjejaskan maruah seseorang individu, menjejaskan perhubungan di tempat kerja dan menurunkan motivasi serta produktiviti sesebuah organisasi.

Perkara berkenaan digariskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (PA), Dr. Awang Norfarizal bin Othman pada Majlis Pelancaran Buku Garis Panduan Menangani Gangguan Di Tempat Kerja Dalam PA di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan pagi tadi di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

>> Muka 8

Manfaatkan cuti dengan syukur, memelihara iman

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 November. - Musim cuti hujung tahun selalunya dimanfaatkan untuk beriadah dan bercuti, sama ada di dalam mahupun di luar negara. Namun, umat Islam diingatkan bahawa percution bukanlah alasan untuk lalai daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Waktu cuti hendaklah menjadi ruang menambah rasa syukur, menjaga sembahyang serta memperbaharui iman, dan bukan masa untuk melonggarkan batas agama.

Demikian antara perkara yang diingatkan melalui tazkirah yang disampaikan oleh

Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Abdul Khaliq bin Kamree bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-209 yang diadakan baru-baru ini.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

>> Muka 5

MOFE hargai jasa, bakti 52 pesara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Sabtu, 29 November. - Seramai 52 pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di bawahnya yang telah bersara pada 2024 diraikan pada Majlis Penyampaian Cenderamata Persaraan yang berlangsung petang tadi di Dewan Teater, Bangunan MOFE, Commonwealth Drive, di

sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderamata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 6



Berita Utama



BINCANG hal ehwal pendidikan,
penyelidikan Islam

Muka 7



92 murid cemerlang diraikan

Muka 10



PENGHARGAAN kepada saudara
baharu konsisten mengikuti Kelas
Bimbingan Mualaf

Muka 18



ABDUL Halim : Belia tempatan
berjaya tawan Gunung Everest

Muka 20



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad semasa berucap pada Majlis Pelancaran Pelepasan Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025 yang berlangsung pada Ahad, 23 November 2025, bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Anbiya Ewal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

Belia BIMP-EAGA saling melengkapi, jana hubungan kerjasama bersama

ALHAMDULILLAH, dengan limpah kurnia dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita berkumpul di sini pagi ini untuk menandakan Majlis Pelancaran dan Pelepasan Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025. Ia sememangnya satu penghormatan dan satu keistimewaan untuk saya menyertai awda semua pada majlis bertuah ini kerana kita akan memulakan perjalanan yang bermakna dan simbolik merentasi seluruh rantau kecil ini.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya mengalu-alukan kepada semua, terutamanya kepada perwakilan belia kita yang dihormati yang telah mengembara dari dekat dan jauh untuk bersama kita di Bandar Seri Begawan, hari ini.

Kehadiran awda hari ini mencerminkan aspirasi kolektif Negara-negara Anggota BIMP-EAGA untuk memperkasakan generasi muda kita dan mengukuhkan ikatan yang menyatukan kita sebagai sebuah komuniti sub-serantau yang dinamik dan berdaya tahan.

Sejak penubuhan, BIMP-EAGA telah berusaha keras dalam meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang utama seperti perdagangan, pelancongan, kesalinghubungan dan pembangunan mampan. Namun, di tengah-tengah usaha-usaha ini, kita yakin bahawa kejayaan masa depan rantau ini akan dibentuk oleh visi, keupayaan dan kepimpinan belia kita.

Program Bas Belia BIMP-EAGA membuktikan prinsip tersebut. Ia mengesahkan komitmen kita bersama untuk

memastikan bahawa anak-anak muda bukan semata-mata penerima manfaat pembangunan, tetapi arkitek aktif membentuk kemajuan serantau. Dalam dunia yang pesat berkembang, adalah penting bagi belia kita dilengkapi bukan sahaja dengan kemahiran keusahawanan dan kepimpinan yang diperlukan tetapi juga dengan penghargaan yang mendalam tentang bagaimana ekonomi sub-serantau kita saling berkaitan, bagaimana mereka saling melengkapi dan bagaimana hubungan ini menjana peluang untuk kerjasama dan pertumbuhan bersama.

Program ini menawarkan pendedahan sedemikian. Melalui penglibatan secara langsung, lawatan ke institusi dan interaksi yang bermakna dengan usahawan belia, inovator dan komuniti, para peserta akan menyaksikan pelbagai kelebihan yang disumbangkan oleh setiap ekonomi BIMP-EAGA, daripada inovasi digital dan ekopelancongan kepada pertanian, industri kreatif dan perusahan mampan.

Lebih daripada perjalanan merentasi sempadan, Program Bas Belia BIMP-EAGA berfungsi sebagai platform untuk mendalami pemahaman serantau, pembelajaran melalui pengalaman dan penglibatan yang bermakna. Ia mengukuhkan matlamat kolektif kita untuk mengeratkan lagi hubungan antara rakyat, asas penting bagi perpaduan sub-serantau yang berkekalan. Dengan menghubungkan minda belia dan menggalakkan pemahaman silang budaya, kita memupuk generasi pemimpin yang mempunyai rasa saling menghormati, perkongsian identiti dan komitmen kepada

kemajuan bersama.

Kepada para peserta belia kita, awda telah diamanahkan dengan peranan yang sangat penting. Sepanjang perjalanan ini, awda akan menemui masyarakat, institusi dan idea yang akan meluaskan perspektif awda. Saya menyeru kepada awda semua untuk kekal berfikir terbuka, bersikap ingin tahu, dan menghormati semua interaksi awda. Hubungan yang awda jalin, pengajaran yang awda kumpulkan, dan pengalaman yang awda bawa akan membentuk pemahaman awda tentang maksud sebenar menjadi sebahagian daripada komuniti BIMP-EAGA yang saling terhubung dan bekerjasama.

Yang paling penting, semoga pengetahuan yang awda peroleh dapat disampaikan semula kepada komuniti dan institusi masing-masing, supaya awda boleh membantu merintis jalan ke arah masa depan yang lebih inklusif, mampan dan makmur untuk rantau ini.

Pelaksanaan inisiatif Bas Belia BIMP-EAGA 2025 hanya boleh dilakukan melalui dedikasi dan perkongsian ramai. Dalam perkembangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur, agensi kerajaan dari negara-negara tuan rumah, terutamanya Sabah dan Sarawak serta rakan pelaksana dan sukarelawan yang telah bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan kejayaan program ini. Komitmen awda menunjukkan semangat perpaduan dan kerjasama yang mendefinisikan BIMP-EAGA.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	JAMADILAKHIR									
MASIH	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	ISNIN	10	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
2	SELASA	11	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.32	6.05	7.19
3	RABU	12	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	KHAMIS	13	4.42	4.52	6.15	6.39	12.11	3.33	6.06	7.20
5	JUMAAT	14	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	SABTU	15	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	AHAD	16	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.34	6.07	7.22

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	31 23 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	30 23 °C	30 23 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	31 23 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 1 DISEMBER 2025

Perbaiki diri sendiri, tuntut ilmu tanpa rasa malu

AGAMA kita menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu tanpa rasa segan atau malu. Jika seseorang tidak bertanya tentang perkara yang tidak diketahuinya, maka dia akan kekal dalam kejahilan. Selain itu, seorang Muslim juga tidak boleh malu untuk melakukan kebaikan seperti memberi nasihat, bersedekah dan sebagainya. Seorang Muslim itu juga tidak boleh memiliki sifat malu yang berlebihan hingga menyebabkan kehilangan kepercayaan diri dan menyebabkan seseorang itu takut untuk bercakap, bergaul ataupun mengambil peluang untuk berkembang dalam kehidupan.

Sepertimana yang ditekankan menerusi Khutbah Jumaat minggu lalu, malu yang dituntut oleh syarak adalah malu yang mendorong kepada kebaikan, mencegah kemaksiatan, yang disebabkan oleh rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sementara itu, malu yang tercela adalah rasa malu yang menghalangi seseorang untuk berbuat kebaikan dan kebenaran.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian, antaranya dengan menganugerahkan akal fikiran. Dengan akal fikiran, manusia dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil. Dengan akal fikiran juga manusia dapat menyelesaikan apa saja permasalahan yang dihadapi dan mampu mencapai pelbagai kemajuan antaranya mencipta peralatan-peralatan komunikasi. Perlu diingat, bahawa peralatan komunikasi masa kini, ibarat sebilah pisau yang dapat memberi kebaikan kepada kita sekiranya betul cara menggunakannya. Akan tetapi pisau yang sama juga boleh mendatangkan kemudaratan kepada kita sekiranya disalah guna.

Sesungguhnya aib merupakan suatu perkara yang tidak boleh sewenang-wenangnya dibuka ataupun disebarkan kepada orang lain. Namun, kita sering melakukan dan melupakan peringatan ini. Kita kerap kali mendedahkan aib orang yang mencanangkannya kepada khalayak ramai sehingga kita terlupa tentang amaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mencegah umatnya daripada bersifat buruk sangka dan mencari-cari kesalahan orang lain. Ini kerana sifat-sifat tersebut akan membawa kepada perbuatan umpat dan fitnah. Pada zaman moden ini, perbuatan mengumpat dan menabur fitnah itu semakin mudah disebarkan. Perlu diingat, bahawa dalam agama kita, mengumpat dan memfitnah itu adalah satu perbuatan yang haram, tercela dan termasuk dalam dosa-dosa besar.

Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang kepada kata-kata umpat dan fitnah. Sibukkan diri dengan memperbaiki diri sendiri dan berdoa agar hati kita dijaga oleh Allah Subhanahu Wata'ala, agar tidak mudah terpengaruh dengan bisikan syaitan. Orang yang hidup dengan perasaan benci akan sentiasa diselubungi keresahan dan kegelisahan. Hatinya tidak tenang, fikirannya tidak damai dan hidupnya jauh daripada rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM BERANGKAT TIBA DI HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam bagi mengadakan Keberangkatan Negara. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).

HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM. Ahad, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Ha

Noi, Republik Sosialis Viet Nam bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang dijadualkan berlangsung pada 1 hingga 2 Disember 2025. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah

paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Hadir bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai, Ha Noi ialah Chairman of the Office of the President, Tuan Yang Terutama Le Khanh Hai selaku Menteri Pengiring; Chairman of the Hanoi People's Committee, Vu Dai Thang dan Deputy Minister of Foreign Affairs, Tuan Yang Terutama Nguyen Manh Cuong. Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Luar

Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yussof. Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik. Keberangkatan Negara Kebawah DYMM ke Republik Sosialis Viet Nam sebelum ini ialah pada 26 hingga 28 Mac 2019, dalam mana hubungan dua hala telah dipertingkatkan kepada Perkongsian Komprehensif.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda ketika berkenan beramah mesra (atas), manakala gambar kanan, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang dijadualkan berlangsung pada 1 hingga 2 Disember 2025.



Kerjasama pelbagai bidang terus dipertingkatkan

>> Muka 1

Dalam majlis perjumpaan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan penghargaan atas persahabatan yang mesra dan erat yang berterusan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik

Sosialis Viet Nam, dan kerjasama dua hala yang semakin kukuh berikutan peningkatan hubungan kepada Perkongsian Komprehensif. Republik Sosialis Viet Nam adalah rakan perdagangan yang penting, dan NBD mengalu-alukan kerjasama dalam sektor pertanian

makanan, akuakultur dan halal, serta industri minyak dan gas. Baginda juga mengimbas kembali perbincangan semasa lawatan Tuan Yang Terutama ke NBD pada tahun 2020 selaku Minister of Public Security, mengenai penguatan kerjasama keselamatan termasuk jenayah

transnasional. Sehubungan itu, baginda mengalu-alukan usaha kedua-dua pihak dalam memuktamadkan perjanjian mengenai ekstradisi, jenayah transnasional, dan pemindahan banduan. Baginda seterusnya menekankan bahawa pertukaran

antara rakyat melalui tawaran biasiswa dan program-program latihan telah merapatkan hubungan antara kedua-dua negara. Pada mengakhiri titah, baginda berkenan mengurniakan jemputan kepada Tuan Yang Terutama untuk mengadakan lawatan ke NBD.

BERKENAN BERANGKAT KE HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam bagi mengadakan Keberangkatan Negara pada 1 hingga 2 Disember 2025 atas undangan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Chuong. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam, hari ini, bagi mengadakan Keberangkatan Negara pada 1 hingga 2 Disember 2025 atas undangan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Chuong.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul

Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyertai acara larian bagi Kategori 10km Run (atas), manakala gambar kanan, bagi Kategori 10km Run, pelepasan bermula pada 30 November 2025, pukul 7.15 pagi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 November. - The Brunei Half Marathon 2025 (TBHM 2025) mencatatkan sambutan hangat apabila berjaya menarik ribuan peserta tempatan dan antarabangsa yang berlagung di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), hari ini. Bagi edisi 2025, TBHM memperkenalkan tiga kategori pertandingan larian iaitu 21 kilometer (km) Half Marathon, 10km Run dan 3km Fun Run bagi memastikan penyertaan terbuka kepada semua peringkat umur dan tahap kecergasan.

Berkenan berangkat menyertai acara larian bagi Kategori 10km Run ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Acara larian bagi Kategori

21km Half Marathon yang menyaksikan penyertaan melebihi 1,600 peserta, dilepaskan pada 29 November 2025, pukul 11.30 malam oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Bagi Kategori 10km Run, pelepasan bermula pada 30 November 2025, pukul 7.15 pagi oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dengan lebih 900 peserta mengambil bahagian.

Sementara itu, Kategori 3km Fun Run dilepaskan pada 30 November 2025, pukul 6.50 pagi oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dengan penyertaan

The Brunei Half Marathon 2025 tarik penyertaan antarabangsa, tempatan



melebihi 400 peserta.

Kesemua peserta melalui laluan larian yang menarik dan dirancang rapi bagi menonjolkan mercu tanda ikonik Negara Brunei Darussalam (NBD), kehijauan semula jadi serta semangat kemasyarakatan.

Bagi memastikan pengalaman larian yang lancar, selamat dan berkesan, lebih 300 sukarelawan daripada kumpulan belia, NGO, persatuan sukan dan komuniti awam telah ditempatkan di sepanjang laluan, stesen hidrasi, pos perubatan dan kawasan acara.

Bagi larian 10km Run, Hosea Kosgei dari NBD muncul sebagai juara bagi Kategori Terbuka Lelaki dengan catatan masa 31 minit 52 saat, membawa pulang hadiah sebanyak BND1,000 serta tiket kelas ekonomi pulang-pergi Royal Brunei Airlines (RB) ke destinasi *medium haul* atau Brunei.

Awang Muhammad Arif Zulkifli dari NBD menamatkan perlumbaan di tempat kedua dengan masa 35 minit 27 saat dan

membawa pulang hadiah sebanyak BND800, manakala Awang Kasyful Asymawi Haji Khairul Ariffin muncul di tempat ketiga dengan catatan masa 36 minit 30 saat, memenangi hadiah sebanyak BND600.

Dalam Kategori Terbuka Wanita, Ann Mukuhi Njihia dari Kenya mencatat masa 40 minit 12 saat, membawa pulang sebanyak BND1,000 serta tiket kelas ekonomi pulang-pergi RB ke destinasi *medium haul* atau Brunei, diikuti Ririko Nishiki dari Jepun (Nippon) di tempat kedua dengan 44 minit 22 saat, membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND800, manakala Aida Syazwana dari NBD di tempat ketiga dengan catatan 46 minit 55 saat dan menerima hadiah sebanyak BND600.

Sementara itu, Kategori 10km Male Master dimenangi Yoleh ounes Ammouta dari Maghribi dengan catatan masa 37 minit 18 saat, membawa pulang hadiah sebanyak BND800 serta tiket

kelas ekonomi pulang-pergi RB ke destinasi *medium haul* atau Brunei, diikuti Awang Shamsuleffandy bin Haji Sulaiman dari NBD di tempat kedua dengan masa 38 minit 58 saat, menerima hadiah sebanyak BND600, manakala di tempat ketiga Mastani Yussop dari NBD menamatkan perlumbaan dengan masa 39 minit 38 saat, menerima hadiah sebanyak BND400.

Bagi Kategori 10km Female Master, Linda Chin Hui Ching dari Malaysia meraih kemenangan dengan masa 43 minit 55 saat dan hadiah BND800 serta tiket kelas ekonomi pulang-pergi RB ke destinasi *medium haul* atau Brunei, diikuti Siaw Khim Tho dari Malaysia di tempat kedua dengan masa 46 minit, menerima hadiah sebanyak BND600 manakala Dayang Nur Seha Alea Abdullah Padan dari NBD menamatkan perlumbaan di tempat ketiga dengan masa 51 minit 46 saat, menerima hadiah sebanyak BND400.

MANFAATKAN CUTI DENGAN SYUKUR, MEMELIHARA IMAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Program Malam Munajat tersebut turut disertai oleh Ahli-ahli Belia Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait yang bersiaran dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan jemaah daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Graduan Lepasn Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Muhammad Noor Syahmi bin Haji Mazne juga selaku Belia Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kuala Belait.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Nazhiim Mustaqim bin Zaini.

Selesai tazkirah, program disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai dipimpin oleh graduan lepasn KUPU SB,

Awang Muhammad Nur Adiib bin Awang Haji Luqman juga Belia MPM Kuala Belait.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh graduan lepasn KUPU SB, Awang Haji Abdul Hakim Al-Alim bin Haji Janaji juga Belia MPM Kuala Belait.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>.

HADIR bagi **sama-sama menyemarakkan lagi program** tersebut ialah **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.**



Ke arah perkhidmatan HIV yang inklusif, bebas stigma

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Human Immunodeficiency Virus (HIV) adalah sejenis virus yang menjejaskan serta melemahkan sistem ketahanan badan (*immune system*) seseorang dan boleh mengakibatkan seseorang itu mudah mendapat jangkitan-jangkitan lain serta penyakit-penyakit lain seperti kanser.

Peringkat terakhir jangkitan HIV, iaitu Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) berlaku apabila sistem ketahanan badan seseorang itu menjadi sangat lemah hingga tidak berupaya untuk melawan jangkitan dan menangani jangkitan atau penyakit-penyakit lain menyebabkan individu berkenaan menghidap beberapa masalah kesihatan yang boleh mengancam nyawa.

Peringkat AIDS ini boleh dicegah jika jangkitan HIV dapat dikesan awal dan menerima rawatan pada peringkat awal lagi.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia dengan tema 'Menangani Cabaran, Mentransformasi Tindak Balas AIDS' (Overcoming Disruption, Transforming the AIDS Response).

Kongsi Yang Berhormat, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan 40.8 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia pada akhir tahun 2024, dengan 1.3 juta merupakan kes jangkitan baharu.

Sementara itu tambahna, seramai 630,000 orang dianggarkan telah meninggal dunia

akibat masalah-masalah kesihatan dan jangkitan-jangkitan berkaitan dengan HIV di seluruh dunia.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), sejak kes pertama dilaporkan pada tahun 1986 hingga Disember 2024, sebanyak 537 kes HIV telah direkodkan dengan 110 kematian. Pada tahun 2024 sahaja, 44 kes HIV baharu telah dicatatkan, di mana 90 peratus daripada kes adalah terdiri daripada golongan lelaki dan kebanyakan mereka yang terjangkit daripada golongan muda berusia dalam lingkungan 25 hingga 30 tahun.

"Peningkatan kesedaran orang ramai mengenai HIV dan akses kepada pengesanan telah menggalakkan lebih ramai individu berisiko tinggi tampil untuk menjalani ujian saringan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kadar pengesanan kes. Di NBD, orang-orang yang berisiko tinggi bagi jangkitan HIV adalah mereka yang mengamalkan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung, terutamanya hubungan kelamin sesama lelaki (MSM)," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, sejak diperkenalkan pada tahun 1988, Hari AIDS Sedunia disambut setiap 1 Disember sebagai usaha meningkatkan kesedaran mengenai HIV serta memperingati mereka yang telah meninggal dunia akibat AIDS.

Tema Hari AIDS Sedunia pada 3 tahun ini, jelas Yang Berhormat, 'Menangani Cabaran, Mentransformasi Tindak Balas AIDS' (Overcoming Disruption, Transforming the AIDS Response), merupakan seruan untuk memperkukuh usaha global menamatkan AIDS dengan memastikan akses kepada

perkhidmatan kesihatan berkualiti tanpa stigma atau diskriminasi bagi mereka yang dijangkiti atau berisiko.


Yang Berhormat seterusnya menekankan pencegahan dan pengesanan awal jangkitan HIV merupakan komponen penting dalam tindak balas terhadap virus tersebut. Akses kepada maklumat yang tepat dan kefahaman yang betul terutama mengenai cara penularan jangkitan HIV dapat memperkasakan seseorang itu untuk mengelakkan diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi.

Kongsi Yang Berhormat, antara langkah pencegahan HIV termasuklah menghindari aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV seperti melakukan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung serta bertukar-tukar pasangan.

"Individu yang dijangkiti HIV lazimnya tidak menunjukkan sebarang gejala pada peringkat awal. Oleh itu, mereka yang terdedah kepada risiko jangkitan, adalah disarankan untuk menjalani ujian bagi mengetahui status HIV di klinik kesihatan atau hospital terdekat.

"Selain itu, kit ujian segera bagi HIV (*HIV rapid test*) turut disediakan di beberapa klinik swasta di negara ini. Kementerian Kesihatan memberi jaminan bahawa segala maklumat individu yang menjalani ujian adalah dirahsiakan selaras dengan Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan rawatan HIV melibatkan pengambilan ubat *antiretroviral* (ARV) yang terbukti



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Ihsan Kementerian Kesihatan

berkesan mengawal virus HIV, meningkatkan kualiti hidup pesakit serta mencegah penularan kepada orang lain.

Dengan rawatan yang konsisten jelasnya lagi, individu yang HIV positif boleh menjalani kehidupan sihat, produktif dan mempunyai jangka hayat yang setara dengan individu yang HIV negatif.

"Selaras dengan tema Sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini, Kementerian Kesihatan komited untuk memastikan akses kepada perkhidmatan HIV yang berkualiti, menyeluruh dan adil.

"Kementerian Kesihatan juga akan terus memperkukuh usaha mengurangkan stigma dan diskriminasi, meningkatkan kesedaran, serta memastikan setiap individu yang memerlukan akan mendapat akses kepada

ujian, rawatan dan penjagaan sewajarnya.

"Marilah kita bersama-sama memperkukuh kesedaran dan mengambil tindakan pencegahan yang berteraskan ilmu serta mengurangkan stigma diskriminasi dalam usaha menamatkan epidemik AIDS di NBD. Kepada individu-individu yang mungkin berisiko daripada jangkitan HIV/AIDS, disarankan agar dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan dan tampil untuk mendapatkan ujian awal bagi membolehkan rawatan diberikan secepat mungkin dan seterusnya meningkatkan peluang untuk terus menjalani kehidupan mereka seperti biasa," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

MOFE HARGAI JASA, BAKTI 52 PESARA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan ucapan alu-aluan

oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), MOFE, Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud selaku Pengerusi Majlis dan seterusnya penyampaian cenderamata oleh



tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; serta Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap,

Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis antara lain diadakan untuk memberi penghargaan kepada


YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada para penerima (kiri sekali dan kiri).

pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah bersara di samping menghargai jasa dan bakti yang telah dicurahkan semasa bertugas di MOFE.

Selain itu, ia adalah juga bertujuan bagi mengekalkan silaturahim dan hubungan kekeluargaan antara pegawai dan kakitangan yang telah bersara dan yang masih berkhidmat di MOFE.

Majlis diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, MOFE.

BEP 2024 mengumpulkan maklumat komprehensif, terkini



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah mengendalikan Banci Ekonomi Perusahaan (BEP) 2024 mulai 1 Julai hingga 31 Ogos 2024.

Objektif utama BEP 2024 untuk mengumpulkan maklumat yang komprehensif dan terkini berkaitan dengan pertumbuhan, sumbangan, komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh perusahaan-perusahaan di sektor swasta.

Data yang dikumpul akan digunakan untuk penyusunan perangkaan akaun negara, terutama bagi pengiraan Keluaran

Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi mengetahui sumbangan terkini sektor swasta kepada pertumbuhan ekonomi negara.

JPES telah mengeluarkan Laporan Penemuan Awal BEP 2024 yang memuatkan hasil penemuan awal mengenai saiz, pekerja dan prestasi perusahaan di sektor swasta bagi 2023.

Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan Penemuan Awal BEP 2024 adalah seperti berikut, iaitu berdasarkan definisi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang disediakan oleh Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), MOFE, sebanyak 93.3 peratus atau 6,489 perusahaan tergolong dalam

kategori PMKS, berbanding 93.4 peratus atau 6,134 PMKS pada 2022.

Sementara itu, perusahaan bersaiz besar merangkumi 6.7 peratus (463 perusahaan), berbanding 6.6 peratus (436 perusahaan) pada 2022.

Daripada 6,489 PMKS, 2,392 perusahaan atau 34.4 peratus merupakan perusahaan mikro dengan pendapatan kurang daripada BND100,000; 3,127 (45.0 peratus) adalah perusahaan kecil dengan pendapatan antara BND100,000 hingga kurang daripada BND1 juta; 970 perusahaan (14.0 peratus) adalah perusahaan sederhana dengan pendapatan antara BND1 juta hingga kurang daripada BND5 juta; manakala 463 perusahaan (6.7 peratus) adalah perusahaan besar dengan pendapatan melebihi BND5 juta.

Tiga aktiviti ekonomi terbesar adalah terdiri daripada perdagangan borong dan runcit dengan 2,417 perusahaan (34.8 peratus), diikuti oleh penginapan dan perkhidmatan makanan dengan 862 perusahaan (12.4 peratus), dan perkhidmatan profesional, teknikal, pentadbiran dan sokongan dengan 731 perusahaan (10.5 peratus).

Sementara pekerjaan jumlah pekerja di sektor swasta telah meningkat sebanyak 11.5 peratus, iaitu daripada 117,591 orang pada 2022 kepada 131,065 orang pada 2023.

Penyertaan pekerja tempatan dalam sektor swasta terus meningkat sebanyak 6.6 peratus daripada 67,586 orang pada 2022 kepada 72,025 orang pada 2023.

Aktiviti perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang terbesar peluang pekerjaan di sektor swasta dengan 29,792 pekerja (22.7 peratus), diikuti oleh perkhidmatan profesional, teknikal, pentadbiran dan sokongan dengan 19,011 pekerja (14.5 peratus), serta sektor pembinaan dengan 18,101 pekerja (13.8 peratus).

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik


Jumlah pendapatan di sektor swasta mencatatkan penurunan sebanyak 12.1 peratus, daripada BND40,840 juta pada tahun 2022 kepada BND35,915.2 juta pada tahun 2023.

Pendapatan terbesar adalah disumbangkan oleh aktiviti perkilangan dengan nilai BND13,680.3 juta (38.1 peratus), diikuti oleh aktiviti perdagangan borong dan runcit sebanyak BND7,475.4 juta (20.8 peratus), dan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dengan BND7,243.5 juta (20.2 peratus).

JPES ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan

setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemilik dan pengurus syarikat perusahaan dan perniagaan atas kerjasama yang diberikan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan bagi BEP 2024.

Laporan Penemuan Ringkas BEP 2024 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenainya, bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian +673 8230275 / +673 8320275 / +673 8260276 (waktu pejabat) atau e-mel economic.census@jpes.gov.bn atau melayari laman sesawang <https://deps.mofe.gov.bn>.



BINCANG HAL EH WAL PENDIDIKAN, PENYELIDIKAN ISLAM

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada beberapa Ahli Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) yang diketuai oleh Presidennya, Mohd. Azmi Abdul Hamid.

Kunjungan berkenaan berlangsung hari ini di Pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darul'ifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK).


Turut menyertai kunjungan berkenaan, Ahli Lembaga Shura MAPIM, Datu Wira Syekh Abdul Ghani Samsudin, yang juga Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA); Pengerusi First Care Kemboja, Tuan Sop Sen; Ahli-ahli Jawatankuasa First Care Kemboja, Puan Rarfiyas Sen, Ustaz Yusof Abdul Rahman dan Ustaz Mathly Tes.

Dalam pertemuan berkenaan, Yang Berhormat dan rombongan MAPIM telah membincangkan hal ehwal pendidikan Islam dan penyelidikan serta mengenai projek kemanusiaan dan pembangunan masyarakat serantau.

Turut hadir pada pertemuan berkenaan, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusof; serta beberapa pegawai kanan JMK.

Rombongan MAPIM berkenaan adalah dalam rangka lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam dari 27 hingga 30 November 2025.

YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada beberapa Ahli Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) yang diketuai oleh Presidennya, Mohd. Azmi Abdul Hamid.



Sentiasa semai sikap jangan mudah berputus asa

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BERAKAS, Sabtu, 29 November. - Tahun silih berganti, kita dapat menyaksikan detik-detik tanah air tempat kita dilahirkan kian membangun dan maju. Perkembangan bukan hanya dapat dilihat dari berdirinya segala bangunan dan infrastrukturnya, namun hakikatnya Negara Brunei Darussalam (NBD) juga telah berjaya mengeluarkan pelbagai produk keluaran tempatan serta hasil usaha penggiat industri di NBD.

Ini merangkumi produk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) daripada sektor pertanian dan agrimakanan, perhutanan, perikanan dan pelancongan termasuk pelbagai produk yang menembusi pasaran eksport, serta inisiatif daripada Majlis Perundangan Kampung (MPK).

Sejurus Majlis Pelancaran Ekspo Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2025 yang berlangsung baru-baru ini di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa peserta ekspo berkenaan yang pastinya memiliki semangat juang serta kesungguhan dan keyakinan dalam bidang masing-masing.

Dalam temu bual bersama Ahli

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, merupakan pemilik sebuah syarikat yang mengusahakan ternakan ayam daging yang dikenali dengan nama Syarikat Maya Breeder Farm, terletak di Lot A4, A6 & A9, Simpang 264, Kawasan Kemajuan Pertanian Sungai Tajau, Wasan mengongsikan syarikat berkenaan ditubuhkan secara rasmi pada 2004 yang sebelumnya bermula daripada sebuah hobi semata-mata.

Jelas Yang Berhormat, dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti ladang yang lebih tinggi lagi di samping untuk menjimatkan kawasan tanah, maka sejak 2008 syarikat berkenaan telah beralih daripada sistem pemeliharaan secara konvensional yang pada ketika itu menggunakan reban terbuka kepada sistem pemeliharaan yang berteknologi tinggi dengan menggunakan reban tertutup dan bertingkat.

"Alhamdulillah, pastinya menggunakan reban tertutup ini memiliki banyak kebaikannya antaranya dapat meningkatkan hasil produktiviti ladang dan kesihatan penjagaan ternakan.

"Dengan usaha teknologi pemeliharaan berinovasi ini, ladang syarikat saya telah

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama isteri dan anak-anak semasa ditemu bual Pelita Brunei.

berjaya menghasilkan sejuta ekor setiap tahun sejak 2020 lagi dan insyaaAllah anggaran hasil ini juga akan dicapai pada tahun ini.

"Dalam meniti hasil pengeluaran ekor ternakan ayam saban tahun pastinya ia juga membawa kepada strategi produk hiliran seterusnya di mana najis-najis dari hasil ternakan ayam itu diproses menjadi 'Organic Amendment' dengan melalui kajian saintifik dan teknologi yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan 'Organic Amendment' berkenaan dijadikan bahan-bahan organik untuk meningkatkan kualiti dan juga kesihatan meliputi tanah dan juga hasil tanaman pokok-pokok, sayur-sayuran dan juga tidak terkecuali tanaman ladang padi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut memberikan kata-kata semangat khususnya kepada golongan belia negara dalam menghadapi kehidupan yang semakin mencabar ini antaranya apa pun bidang yang kita terokai mestinya sentiasa menyemai sikap jangan mudah berputus asa kerana bukanlah bermaksud sekali kita gagal, kita akan gagal selamanya namun hakikatnya kita perlu istiqamah dalam meneruskan



apa jua bidang yang kita ceburi dengan sebaik-baiknya sehingga berjaya.

"Sentiasa berdoa memohon rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua yang kita usahakan kerana kita selaku hamba-hamba-Nya perlu menyakini bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sebaik-baik pemberi rezeki," ujar Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, dalam perkongsian bersama pemilik Syarikat Seri Paring, Awang Haji Baharuddin bin Haji Baha yang menjalankan ternakan pelbagai jenis ikan air masin di perairan yang terletak di Pengkalan Sibabau, Pulau Kaingaran sejak 1992, beliau yang sudah menceburi bidang ternakan ikan berkenaan lebih 30 tahun bermula dengan empat buah sangkar ikan pada awalnya dan kini lebih seratus buah sangkar sudah dimiliki dalam kawasan ternakan ikan. Antara ikan yang ditenak ialah Tilapia, Selungsong, Kerapu dan Pompano.

Awang Haji Baharuddin turut mengongsikan dalam mengusahakan ternakan ikan berkenaan, beliau dibantu oleh anak perempuannya, Dayang Hajah Siti Raymah binti Haji Baharuddin selaku pengurus syarikat serta dua pekerja.

"Kami hanya menumpukan hasil penjualan ternakan ikan di dalam negara sahaja dari dulu sehingga sekarang. Alhamdulillah, setiap bulan dalam anggaran sebanyak satu tan diperoleh dari hasil ternakan ikan pelbagai jenis.

"Apa sahaja pekerjaan yang dilakukan pasti ada cabarannya, namun jika ada minat apa yang diusahakan itu pasti akan terasa kemanisannya lebih-lebih lagi apabila melihat hasil yang diperoleh setelah berjari, bekarih dan belurih.

"Satu galakan juga untuk golongan belia kita untuk menceburi bidang ternakan ikan ini kerana melalui sumber ikan ini juga merupakan salah satu makanan utama kita orang Brunei," ujarnya.

Beliau berasa bersyukur kerana sejak 10 tahun lalu, diberikan amanah untuk memberi latihan penempatan kerja bagi pelajar-pelajar Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE) dalam Kursus Perikanan selama tiga atau enam bulan setiap tahun, di samping sebagai salah satu usaha untuk membantu pihak Jabatan Perikanan di negara ini dalam membuka minda masyarakat mengenai keindahan perusahaan bidang ternakan ikan ini.



PEMILIK Syarikat Seri Paring, Awang Haji Baharuddin bin Haji Baha bersama anak perempuan beliau, Dayang Hajah Siti Raymah binti Haji Baharuddin selaku pengurus syarikat semasa ditemu bual.

MEMPERKUKUH BUDAYA PROFESIONALISME, KESAKSAMAAN, KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI TEMPAT KERJA



>> Muka 1

Majlis Pelancaran Buku Garis Panduan Menangani Gangguan Di Tempat Kerja Dalam PA di NBD adalah anjuran Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JPM.

Dengan adanya garis panduan berkenaan akan memberi makna yang jelas bahawa sebarang bentuk gangguan tidak akan dikompromi dan akan ditangani melalui proses yang teratur dan berprinsip.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Buku Garis Panduan Menangani Gangguan Di Tempat Kerja Dalam PA di NBD, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah

binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Majlis juga diisi dengan sesi taklimat mengenai pengisian garis panduan berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Kaunselor Kanan di JPA, Awang Haji Amir Shukri bin Haji Zawawi; dan Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di JPM, Dayang Noor Amal Azirah binti Haji Azlan.

Garis panduan berkenaan digubal sebagai langkah proaktif untuk memperkukuh budaya profesionalisme, kesaksamaan dan kesejahteraan psikologi di tempat kerja.

la menjelaskan definisi dan jenis-jenis gangguan seperti penyalahgunaan kuasa, buli, gangguan seksual dan gangguan psikologi, di samping

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Buku Garis Panduan Menangani Gangguan Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

memperincikan tatacara pengendalian aduan secara rasmi dan tidak rasmi.

Melalui garis panduan berkenaan, JPA berharap agar semua Kementerian dan jabatan dapat memahami dengan jelas peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan garis panduan, sekali gus memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat, kondusif dan bebas daripada gangguan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Urustadbir PA), JPM; Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM; Setiausaha Tetap (Tenaga), JPM; Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-undang), JPM; Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir PA), JPM; Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga), JPM; dan pengarah-pengarah pentadbiran serta pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal tatatertib, pentadbiran dan sumber manusia.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



HALUAN

>> Muka 2

Ketika kita berkumpul di sini pagi ini untuk memulakan perjalanan yang bersejarah ini, marilah kita jadikan sebagai peringatan bahawa masa depan BIMP-EAGA terletak pada keupayaan kita untuk melibatkan diri, memperkasa dan meningkatkan generasi akan datang. Dengan melabur dalam belia kita hari ini, kita telah memastikan asas-asas keamanan, kemakmuran dan perpaduan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, dan dengan penuh harapan dan keyakinan, saya berbesar hati untuk melancarkan secara rasmi dan memulakan Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan keberkatan kepada perjalanan ini dengan keselamatan, kebijaksanaan dan pengalaman yang penuh makna. Saya mengharapkan agar ekspedisi ini menjadi pengalaman yang memberi inspirasi, pencerahan dan produktiviti kepada semua peserta.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Memastikan pelestarian AI, teknologi canggih berdaya fikir, beretika



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Syarahan Mabbim tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 29 November. - Syarahan Mabbim membawa tema utama yang signifikan mewajahi dunia ketika ini, iaitu 'Pelestarian Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia di Era Kecerdasan Buatan'.

Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) yang juga dikenali sebagai AI telah mendominasi dunia dan kian rancak digunakan sehingga melahirkan banyak kemahiran dan pengetahuan daripadanya.

Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit selaku Timbalan Pengerusi Mabbim Brunei Darussalam menjelaskan demikian pada Syarahan Mabbim Ke-13, 2025 bertempat di Balai

Sarmayuda DBP Berakas, hari ini.

Menurut Dayang Hajah Haireni, dalam konteks bahasa dan budaya pula, AI jelas menyajikan banyak manfaat dan kemudahan kepada orang ramai.

"Namun dalam keghairahan kita mengagumi AI ini, DBP turut mengambil peranan besar dalam memastikan pelestarian Kecerdasan Buatan ini sebagai teknologi, bukan sahaja canggih tetapi berupaya mencerminkan daya fikir, kreativiti, nilai kemanusiaan yang perlu diimbangi dengan bijaksana.

"Terutama dalam memelihara nilai budaya bahasa itu sendiri bagi memastikan *survival* bahasa Melayu terus hidup dalam dunia digital yang mampan," ujarnya.

Kongsi beliau lagi, dalam dunia

yang serba maju dan mencabar ini, kita seharusnya tidak menjadi hamba kepada teknologi kerana kitalah yang perlu menjadi penentu arah dan mengawal nilai-nilai insani yang dicipta melalui teknologi ini.

Pelestarian tambahnya lagi, menuntut kita untuk menyaring keseimbangan antara kemajuan dan kemanusiaan dan tidak sepenuhnya bergantung kepada AI dalam usaha melahirkan pemimpin masa hadapan yang berwawasan dan mempunyai perspektif yang lebih jauh.

Oleh itu, tekannya, DBP sentiasa komited dalam usaha memperkukuh kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, dengan merancang dan melaksanakan pelbagai program serta kegiatan sepanjang tahun bagi sama-sama mengangkat bahasa, sastera dan budaya Melayu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Syarahan Mabbim tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Syarahan Mabbim merupakan satu daripada Program Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia - Malaysia (Mabbim), yang lazimnya disampaikan oleh pemakalah yang dipilih dari Negara Anggota Mabbim Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia mengikut giliran, iaitu secara berkeliling di ketiga-tiga Negara Anggota Mabbim.

Pada tahun ini, Syarahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMBENTANGAN Syarahan Mabbim Ke-13 oleh Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

Mabbim diadakan secara hibrid (fizikal dan dalam talian), iaitu tidak berkeliling ke Negara Anggota Mabbim, namun diadakan secara fizikal di Negara Brunei Darussalam selaku giliran tuan rumah dengan kehadiran jemputan yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta, para pensyarah, Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, syarikat korporat, tenaga pendidik, mahasiswa dan pelajar, pencinta bahasa, sastera dan budaya serta juga dilayari melalui platform maya bagi pelayar dari dalam dan luar negara, termasuk anggota Mabbim Malaysia dan Republik Indonesia.

Pada majlis tersebut, juga

diadakan pembentangan Syarahan Mabbim Ke-13 oleh Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit dengan tajuk 'Antara Kod dan Kaligrafi : Etika dan Estetika Pemeliharaan Bahasa Melayu dalam Era Kecerdasan Buatan'.

Syarahan dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBP, Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksini. Acara berakhir dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada pemakalah dan moderator, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG LAYONG



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong selaku Pengerusi Majlis hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Layong (kiri), sementara gambar atas, Awang Haji Sharin bin Haji Yanam, iaitu calon tunggal yang layak bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Layong.

calon untuk mengisi jawatan Ketua Kampung Layong di mana 43 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 101 orang menggunakan kertas undi.

Majlis pengundian dan pemilihan tersebut telah menyaksikan sebanyak 122 undi telah bersetuju manakala 21 undi tidak bersetuju dan satu dikategorikan sebagai undi rosak.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku Pengerusi Majlis, Pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Penghulu Mukim Lamunin, ketua kampung dan pemangku ketua kampung di bawah Mukim Lamunin berserta penduduk kampung.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung Layong akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Tatatertib Penghulu Mukim dan Ehwal Dalam Negeri bagi proses Ketua Kampung, Kementerian Hal selanjutnya.

TUTONG, Ahad, 30 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Layong, Mukim Lamunin telah diadakan hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Layong, Mukim Lamunin menggunakan kaedah kertas undi. Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Jumaat, 28 November 2025.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Layong, Mukim Lamunin, Awang Haji Mohd. Nazelley bin Noorashid.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Layong ialah Awang Haji Sharin bin Haji Yanam, berusia 48 tahun pada tarikh pencalonan.

Seramai 144 penduduk kampung daripada 162 orang yang berdaftar dan layak mengundi



MAJLIS berkenaan telah mengambil tempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Layong, Mukim Lamunin, menggunakan kaedah kertas undi.



Memupuk kesedaran pentingnya menjaga kebersihan



TURUT hadir dan seterusnya ikut serta dalam kempen tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (kanan), manakala gambar atas, antara yang menyertai Kempen Kebersihan Perumahan Kampung Perpindahan Serasa dan Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muara.

SERASA, Ahad, 30 November. - Bagi menyokong inisiatif pihak kerajaan dalam menangani isu-isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengunyahkahkan Kempen Kebersihan Perumahan

Kampung Perpindahan Serasa dan Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muara.

Seramai 300 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KHEU serta penduduk kampung telah berjaya mengumpulkan sebanyak 95

kilogram sampah.

Turut hadir dan seterusnya ikut serta dalam kempen tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Melalui aktiviti seumpama ini, adalah dihasrat akan dapat

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

meningkatkan lagi keprihatinan terhadap kepentingan menjaga kebersihan yang merupakan sebahagian daripada iman dan amalan hidup harian, di

samping mengukuhkan hubungan silaturahmi antara pegawai dan kakitangan kementerian dengan penduduk setempat.



92 MURID CEMERLANG DIRAIKAN



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Akademik dan Projek Sekolah 2025 bagi Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Tutong (atas), sementara gambar bawah kanan, antara ahli keluarga murid-murid yang diraikan yang hadir pada majlis berkenaan.

TUTONG, Sabtu, 29 November. - Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Tutong, hari ini merayakan seramai 92 murid cemerlang pada Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Akademik dan Projek Sekolah 2025 bagi para pelajar dan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Murid yang diraikan ialah 21 murid menerima hadiah akademik, 41 penerima hadiah galakan serta 15 murid menerima dari Darjah Pra dan Tahun 6 sekolah tersebut.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Dipa Negara sekolah berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Guru Besar sekolah, Dayang Nurkara'en binti Haji Tuneh dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan bahawa pada tahun

ini, pihak sekolah telah berjaya mencapai 60 peratus bagi Gred A - C berbanding dari 53.85 peratus pencapaian Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2024.

Manakala subjek Bahasa Melayu dan Melayu Islam Beraja telah berjaya mencapai 87 peratus Gred A - C, Bahasa Inggeris, 80 peratus, Matematik, 60 peratus dan Sains sebanyak 60 peratus.

"Setinggi-tinggi tahniah sekali lagi diucapkan kepada para tenaga pengajar Tahun 6 yang tidak pernah berputus asa dan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada para pelajar *kitani* dari awal hinggalah mereka mendapat keputusan yang sangat baik.

"Ucapan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada para ibu bapa / penjaga murid yang telah pun memberi sokongan padu dan kerjasama kepada pihak sekolah sepanjang anak-anak *biskita*

belajar di sekolah ini. Ini termasuklah menghantar para murid Tahun 6 untuk menghadiri kelas tambahan setiap Jumaat dan juga waktu cuti penggal persekolahan," ujarnya.

Jelasnya, kerjasama dan keprihatinan sebeginilah yang sangat diharapkan oleh pihak sekolah yang perlu diteruskan dan juga dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

Apa yang pasti, tambahnya, kesemua mereka yang diraikan telah sama-sama berusaha memajukan sekolah baik dari segi hal ehwal akademik khususnya dalam memberi dan mengukuhkan pengetahuan asas di dalam bidang literasi dan numerasi di peringkat sekolah rendah dan juga kesejahteraan para pelajar khususnya dalam kalangan murid-murid di sekolah ini.

Selain itu, katanya, untuk makluman bersama pihak sekolah juga telah meraih kejayaan dan mendapat pengiktirafan daripada pihak Jabatan Sekolah-Sekolah dalam projek atau program sekolah, iaitu 'School Improvement Plan' yang terdiri daripada satu bidang fokus utama, iaitu Program Count On Us (COU) yang memfokuskan untuk meningkatkan lagi pencapaian Matematik di peringkat rendah khasnya Tahun 3, 4 dan 5.

Selain meraikan kejayaan dalam aspek akademik, tambahnya lagi, pihak sekolah juga menghargai penglibatan para pelajar kita yang aktif di dalam aspek kerohanian. Ini dapat dilihat khasnya semasa pelaksanaan program kerohanian seperti membaca Surah Yaa Siin dan doa yang diadakan setiap pagi Khamis yang turut disertai dan diketuai oleh para pelajar rendah atas di bawah bimbingan Ketua

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Guru Ugama.

Selain itu, pihak sekolah juga turut menghargai para pelajar yang terlibat bagi Program Bilal & Imam Cilik 2025 anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui bahagian IRK di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Jelasnya lagi, objektif utama program ini adalah untuk mendidik dan melatih para pelajar menjadi individu yang bertanggungjawab, berdisiplin dan berkemahiran dalam memimpin ibadah solat serta meningkatkan keyakinan pelajar untuk tampil menjadi bilal dan imam khasnya semasa menunaikan Solat Fardu Zuhur Berjemaah di sekolah.

Oleh itu, tambahnya lagi, tahniah diucapkan kepada guru-guru pengawas dan juga para pelajar berkenaan kerana telah dapat menjalankan tugas dan amanah yang diberikan.

Adapun tujuan utama majlis

diadakan adalah khusus untuk meraikan kejayaan yang telah diraih oleh para pelajar khususnya bagi murid Pra sekolah hingga Tahun 6 2025 yang telah pun menunjukkan kejayaan cemerlang dalam bidang akademik sepanjang tahun ini termasuklah bagi Penilaian Akhir Tahun 2025 dan juga program khas sekolah seperti 'School Improvement Plan (SIP)' bagi tahun ini.

Selain itu, majlis ini juga turut meraikan murid Tahun 6 yang telah pun menduduki PSR 2025 yang lalu di samping tidak ketinggalan juga meraikan murid Pra yang telah pun menamatkan peringkat Pra sekolah 2025.

Majlis tersebut juga adalah untuk menghargai segala usaha dan jasa para guru yang telah bersusah payah mendidik, mencurahkan ilmu dan berkorban masa dan tenaga untuk para pelajar Tahun 6 sehingga mereka mendapat kejayaan di dalam PSR.



Memperkasa belia aktif, berdaya saing

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TUTONG, Sabtu, 29 November. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Tutong dengan kerjasama Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET) hari ini menganjurkan Program Sehari Bersama Belia bertempat di Dewan Serbaguna, PTET, di sini.

Kira-kira 45 pelajar PTET menyertai program tersebut. Turut hadir, guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Program ini diisikan dengan aktiviti kepimpinan dan kerjasama, sesi taklimat dan sesi soal jawab yang dikendalikan oleh Bahagian

Belia, JBS Cawangan Tutong. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Ketua Cawangan, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd. Hamdilah dan Ketua Bahagian Belia, Dayang Norainah binti Haji Abdul Hadi.

Program ini merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh JBS Cawangan Tutong bagi mengambil kesempatan belia selepas menjalani peperiksaan dan merupakan sebuah program riadah berunsur pendidikan yang tidak formal bertujuan memberi

PROGRAM Sehari Bersama Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Tutong dengan kerjasama Pusat Tingkatan Enam Tutong bertujuan memberi pendedahan untuk membuka peluang dalam membina jaringan sosial demi pembangunan belia agar lebih aktif dan berdaya saing (kiri dan kanan).

pendedahan untuk membuka peluang dalam membina jaringan sosial demi pembangunan belia agar lebih aktif dan berdaya saing.

Antara tujuan program ini dianjurkan adalah bagi memberi pendedahan yang lebih luas kepada golongan belia tentang peranan dan potensi diri mereka, meningkatkan semangat kepimpinan serta keyakinan diri melalui pelbagai aktiviti yang dirancang secara tersusun, di samping memupuk nilai-nilai positif seperti kerjasama, disiplin, tanggungjawab dan sikap proaktif.

Ia juga sebagai landasan yang berkesan untuk memupuk semangat cintakan negara, membina keyakinan diri serta menanamkan nilai positif dalam diri para belia kerana belia bakal



menjadi aset penting kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi memperkenalkan kepada belia (penuntut-penuntut) mengenai Dasar Belia Negara dan Strategi, memberi penerangan tentang aplikasi Mengalinga serta kepentingannya, di samping memperkenalkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh JBS.

Secara keseluruhannya, untuk mewujudkan suasana yang menyenangkan dan bermanfaat bagi belia agar mereka dapat

belajar, berinteraksi serta membina hubungan yang sihat dengan rakan sebaya dan komuniti sekeliling.

Antara objektif program pula ialah memberi pendedahan kepada belia mengenai peranan, potensi dan keupayaan diri bagi meningkatkan semangat kepimpinan serta keyakinan diri melalui aktiviti yang tersusun serta memupuk nilai-nilai positif seperti kerjasama, disiplin, tanggungjawab dan sikap proaktif bagi mewujudkan suasana yang menyenangkan dan bermanfaat untuk para belia.

سروک فری

مالو سباکاي فریساي ایمان

جماعه یغ درحمتی الله،

بر تقوی له کیت کحضرة الله ﷺ دغن منیغکنکن کلیمانن کفدن. سسغکوهن اورغ یغ قالیغ ملیا دسیسی الله ﷺ ایت ایاله اورغ یغ قالیغ بر تقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغتی الله ﷺ، براوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخیره.

الله ﷺ برفرمان دالم سورة الأحزاب آیه ۲۱:

تفسیرن:

دمی سسوغکوهن قد دیری رسول الله ایت اد جونتوه یغ بایک باکی کامو، یایت باکی اورغ یغ مغهارفکن (کریضان) الله دان (کبهکیان) هاری أخیره سرتا بایق بر ذکر مغایغتی الله.

جماعه یغ درحمتی الله،

سسوغکوهن رسول الله ﷺ ایت جونتوه تلادان دان ایکوتن یغ تربایک باکی سلوروه اومت مانسی. اولیه ایت، سباکاي اومت اسلام کیت هندقله مغیکوتی دان منجوتوهی صفة-صفة دان اخلاق بکیندا. ادقون انتارا اخلاق دان صفة رسول الله ﷺ یغ مسنی دان فاتوت کیت جونتوهی ایاله بر صفة مالو. درقد أبو سعید الخدری راکت: ای برکات: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ أَشَدَّ خِيَاءً مِنَ الْعَذْرَاءِ فِي خُدْرِهَا، فَإِذَا رَأَى شَيْئًا يَكْرَهُهُ عَرَفْنَاهُ فِي وَجْهِهِ. مقصودن: "نبی ﷺ لیه قمالو درقد اُنق کادیس یغ اد ددالم بیلینکن. اقبیل بکیندا ملیت سسواتو یغ تیدق دسوکاین، کامی دافت مغتهری حال ایت درقد راوت وجهن." {حدیث روایة إمام بخاری}

صفة مالو ترماسوق ددالم صفة-صفة یغ ترفوجی دان ای مروفاکن صفة یغ ساغت دأنجورکن دالم اسلام کران ای برکایت رافت دغن ایمان. مک برأونتوغله باکی مریک یغ دافت مغهیاسی دیرین دغن صفة مالو کران صفة مالو ایت اداله سبهاکین درقد ایمان دان ایمان ایت فولا تمقن اداله دشرک. درقد أبو هريرة راکت: ای برکات، رسول الله ﷺ برسیدا: الْحَيَاءُ مِنَ الْإِيمَانِ، وَالْإِيمَانُ فِي الْجَنَّةِ، وَالْبَدْءُ مِنَ الْجَفَاءِ، وَالْجَفَاءُ فِي النَّارِ. مقصودن: صفة مالو اداله سبهاکین دری کلیمانن دان ایمان ایت تمقن ددالم شرک. فُرکاتان یغ کچی ایت برأصل دری واتق دان فراغای یغ کراس، سداغکن ککراسن ایت تمقن ددالم نراک. {حدیث روایة إمام ترمذی}

إمام مسلم برکات بهاوا: مالو اداله سبهاکین درقد ایمان. مالو مروفاکن

فرهیاسن سجاتی مسلم. اورغ یغ تیدق ممقویای راس مالو برارتي ایمان حاجت. اولیه ایت، تومپوهکن راس مالو، کران ایمان مروفاکن صفة-صفة قارا نبی دان رسول.

جماعه یغ درحمتی الله،

سسوغکوهن مالو اداله انتارا صفة یغ مسنی کیت میلیکی دان ممقویای صفة مالو ایت بوکنله ساتو کلهمن، سباکین ای اداله فریساي یغ ملیندوغي دیری سساورغ درقد ملاکوکن فرکارا یغ دلارغ اولیه الله ﷺ. درقد عَمْرَأَنُ بْنُ حُصَيْنٍ راکت: نبی ﷺ برسیدا: الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ. مقصودن: مالو ایت تیدق منداتفکن سسواتو ملاکین کبایکن سمات-مات. {حدیث روایة إمام بخاری}

دالم کهدوقن ساورغ مسلم، قراسان مالو اکن مندوروغ سساورغ اونتوق سنتیاس برأخلاق بایک دان منجاوهی معصية. دغن میلیکی صفة مالو، سساورغ ایت اکن دافت ممبتوق فریادی یغ اوغکول دغن منجاک تیغکه لاکو، فرتوتورن دان منجاک کهورمن دیری. اکن تنای والوفون مالو ایت اداله صفة یغ بایک، اد جوک جنیس مالو یغ تیدق سقاتوتن دمیلیکی اولیه ساورغ مسلم، سباکاي جونتوه، مالو اونتوق منونتوت علمو.

اکام کیت مغکالککن اومتن اونتوق منونتوت علمو تنقا راس سکن اتاو مالو. جک سساورغ تیدق برتان تننغ فرکارا یغ تیدق دکتهوین، مک دی اکن ککال دالم کجاهلن. سلاین ایت، ساورغ مسلم جوک تیدق بولیله مالو اونتوق ملاکوکن کبایکن سقرتی مبري نصیحت، برصدقه دان سباکاین. ساورغ مسلم ایت جوک تیدق بولیله میلیکی صفة مالو یغ برلبین هیغک مپیکن کهلغن کفرجایان دیری دان مپیکن سساورغ ایت تاکوت اونتوق برجاکف، برکاول اتاوقون مغمیل فلوغ اونتوق برکمیغ دالم کهدوقن.

جلسله بها مالو یغ دتونتوت اوله شرع اداله مالو یغ مندوروغ کفد کبایکن، منجکه کمعصیتن، یغ دسیکن اوله راس تاکوت کفد الله ﷺ. سمنتارا ایت، مالو یغ ترجلا اداله راس مالو یغ مغهالغی سساورغ اونتوق بریوات کبایکن دان کینرن.

جماعه یغ درحمتی الله،

اونتوق مناعکن صفة مالو دالم دیری کیت، اد بیراف جارا دان عملان یغ مسنی کیت ایکوتی، انتاران:

فرتام: منیغکنکن کلیمانن دان تقوی. این کران سماکین قوات ایمان سساورغ، سماکین تیغکی راس مالون کفد الله ﷺ دان مانسی.

کدوا: منجاک هوبوغن دغن الله ﷺ سقرتی مندیریکن سمبیغ لیما وقتو، مباح القرآن دان بر ذکر ممبتو سساورغ ایت مراسا دکت دغن الله ﷺ دان منجادیکن مالو سباکاي فریساي ایمان.

ککیک: برکاوان دغن اورغ-اورغ یغ برأخلاق بایک. این کران فُرکاولن یغ بایک ممقاروهی سیکف سساورغ. برکاوان دغن اورغ-اورغ یغ صالح اکن ممبتو مناعکن صفة مالو یغ فوسیتیف.

کامفت: میدری بهاوا الله ﷺ سبهاکین بها ملیت. کیت هندقله سنتیاس ایغت بهاوا ستیاف اف یغ کیت لاکوکن دفرهاتیکن اولیه الله ﷺ، این اکن ممبتو سساورغ ایت منجاوهی فرکارا موغکر دان معصية.

جماعه یغ درحمتی الله،

صفة مالو اداله ساله ساتو تندا ایمان یغ قوات دان منجادی فریساي کفد ساورغ مسلم دالم منجالنی کهدوقن. ای ممبتو سساورغ منجاک اخلاق، مغهیندري معصية، دان ممفرکو کوهکن هوبوغن دغن الله ﷺ. اولیه یغ دمکین، هیاسیله دیری کیت دغن صفة مالو کران ای اداله بیتنیغ اتاو فغهاغ یغ بولیله مغایلقکن دیری کیت درقد ملاکوکن فربواتن موغکر دان معصية.

ایغتله، بهاوا عذاب دان سیقسا الله ﷺ سبهاکین ایت اُمت فدیله. اولیه ایت، جک هندق بریوات کجاهن سقرتی منجوری، برزنا، منیغو دالم فُرنیاکان، تیدق جوجور دالم سبارغ فکرجان دان سباکاین، مک کیت اکن برفیگیر ترلیله دهولو دان تیدق موده اونتوق ملاکوکن فربواتن-فربواتن ترسبوت.

آخرین، سموک دغن یغ دمکین الله ﷺ سبهاکین اکن کاسیه دان ملیندوغي کیت درقد عذاب سیقسان دان سموک کیت سمو اکن ممقراولیهی کامقونن دان فاهلا یغ بسر درقد الله ﷺ سبهاکین. آمین یا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

تفسیرن:

سسوغکوهن اورغ-اورغ یغ تاکوت کفد توهن مریک (والوفون) مریک تیدق ملیهتن، مریک برأولیله کامقونن دان فاهلا یغ بسر. {سورة الملك آیه: ۱۲}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاتِيَةِ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / MAB / TA / 01
Pembelian Bagi Perisian EDR (Endpoint Detection And Response)

Yuran Tawaran:
BND 50.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 16 Disember 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Disember 2025
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / FY2025 / GCAU / GSU / TA / 8006
Supply Of Dog Foods For Gurkha Security Unit (GSU) - One (1) Year Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 22 Disember 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 30 Disember 2025
2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
32 / NOV / 2025 / KKBS / PJK / 16.14 (2)

Tajuk Sebut Harga:
Air-Conditioning And Ventilation Works To Existing Air Distribution System At Setiausaha Sulit (Kemasyarakatan) Office, Level 7, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
24 November 2025

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Isnin, 8 Disember 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 9 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-10

Tajuk Projek:
Term Contract (2 Years)
Pembinaan Gerai-Gerai Di Bawah Kawalan Jabatan-Jabatan Daerah

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 09

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
ISO/IEC 17025 Technical Consultancy For Approved Signatories And Risk Assessment Processes For The Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Of Laboratory Chemical And Apparatus For Fish Disease Diagnosis Testing For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0059 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Drafting Services For Preparation Of Tender Documentation To Conduct Technical Services Of Marine Resource Assessment Of Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
19 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Fabricate And Install New Heavy-Duty Vertical Rack Storage At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bilangan Sebut Harga:
21 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Fitted Table Cloth For Round Table And Rectangle Table At International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bilangan Sebut Harga:
22 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery New Stackable Chair Trolley At The International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bilangan Sebut Harga:
23 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Round Table Trolley With Ramp At The International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs.

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap dokumen (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
09 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Inspection, Reprogramming, And Supply Of Telephone Sets For Toshiba CIX670 System At The Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Subok

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 17 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 13 / 2025-2026
Office Refurbishment And Flooring Works At Ministry Of Primary Resources And Tourism

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 14 / 2025-2026
Provision Of Built-In Filing Cabinets And Storage Units At Ministry Of Primary Resources And Tourism

Makluman Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 03 / 2025-26

Tajuk Tawaran:
Landscape Maintenance Services For International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Three (3) Years, Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 4 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 13 / 2025 - 2026

Keterangan:
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 3, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Jamadilakhir 1447H / 10 Disember 2025M



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 135 / 25 - 26
Supply And Delivery Of Media Recorder And Playback And Accessories For Post-Production

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
49 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Desktop
Computers For DHCP Deployment
At Schools Under The Ministry
Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 12 /
2025 - 2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar
Buku-Buku Teks Pelajaran Umum
Persekolahan Arab, Bagi Sesi
Pembelajaran Tahun 2026,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H - 1448H /
2025M - 2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
12 Jamadilakhir 1445H /
3 Disember 2025M



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
14 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2025
The Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Maintenance Of Fibre Distribution
Switch And POE Access Switches
For Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM**

Bil. Tawaran:
UBD / E8 / 004 / 2025 - [G]

Keterangan:
Three (03) Years Term Contract For
The Provision Security Services For
Buildings And Parameter Areas At
Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Dokumen & Pentadbiran:
BND105.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
9 Disember 2025



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 78 /
UP / 32

Tajuk Sebut Harga :
Repairing Damaged 100/150MM
Waste Sewer Pipeline At
Gadong Fish Market,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
4 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
55 / JPD / JKSH /
2025 - 2026

Tajuk Projek:
Projek Supply, Delivery,
Installation, Support And
Maintenance Of IT Workstation
For Land Transport Department

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
2 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran dan
Keterangan Projek:**
19 / BBS / SH / 2025-2026 /
(RE-Q)
Supply And Installation Of Fluted
Wood Panel Decorative Strip
Design WPC
Wall Paneling System At Dewan
Bandaran And Bilik Mesyuarat
Jabatan Bandaran Kuala Belait
dan Setia

Bilangan Tawaran dan

Keterangan Projek:
20 / BBS / SH / 2025-2026 /
(RE-Q)
Kerja-Kerja Pembaikan
Kerosakkan Jam Tugu,
Jalan Mckerron Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
I Atau II

Kategori:
-

Tarikh Buka Tawaran pada:
1 Disember 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
22 Disember 2025 (Isnin)

Tarikh Tutup Pada:
29 Disember 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 pagi

(Di Tutup di Tingkat 1, Ibu Pejabat
Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan
Rekreasi, Bangunan Tumasek
Plaza, Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / QTN113 / 2025
Penyediaan Perkhidmatan
Pajakan Untuk Penghadang Sisa
Makanan Di Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi Bagi Tempoh
Selama Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / QTN113 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00 (Tidak di Kembalikan)



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
31 / NOV / 2025 / KKBS / PJK /
16.22

Three (3) Years Term Contract For
Clearing And Dispose All Debris
From Existing Concrete / Earth
Drain At Pusat Pembangunan
Belia, Jalan Tanah Jambu,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
22 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.105 (R)
General Building Term Maintenance
For A Period Of Twenty-Four (24)
Months For Program Khidmat Bakti
Negara Training Camp Building, Batu
Apoi, Temburong
(Retender)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 9 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Tawaran Jualan Lelong
Secara Sebut Harga**

JPE / AMSF / AUC / 02 / 25
Empat Unit HVAC dan Aksesori

Dokumen Tawaran:
Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Lapangan Terbang Lama, Berakas.

+673 2387000 sambungan 216
- Pengambilan Borang Tawaran

3551 - Tempahan Jadual Lawatan

Pada hari dan waktu bekerja
Isnin - Khamis & Sabtu
8.00 - 11.30 (sebelah pagi)
1.30 - 3.00 (sebelah petang)

Harga Borang BND10.00
Tarikh Dibukakan Isnin,
1 Disember 2025

Penyerahan Dokumen:
Peti Tawaran Lobi, Bahagian
Pengurusan Aset dan Kemudahan
Penyimpanan, Stor Utama
Gadong, Jabatan Perkhidmatan
Elektrik, Jalan Pengiran Babu Raja

Tarikh Tutup:
Rabu, 31 Disember 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh dan Tempat Lawatan:
Pada hari dan waktu bekerja
Isnin - Khamis & Sabtu
9.00 - 11.00 sebelah Pagi sahaja

Bertempat:
Bangunan Pejabat Stesen
Janakuasa Gadong 2
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Batu Bersurat



IMBASAN MINGGUAN



SALAH satu aksi peserta olahraga pada Kejohanan ASG14 2025 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

ANTARA yang hadir memberi semangat kepada atlet negara semasa Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-14 (ASG14) 2025 yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SALAH seorang pelajar yang turut serta dalam Forum dan Bengkel Voices of Children berlangsung di Rumah Al-Hamasah, Kompleks Sukan Jerudong. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

PELAJAR dari Sekolah Freda Radin gembira akan menerima sijil graduasinya yang berlangsung di Hotel Mulia. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA aktiviti yang dilakukan bagi meraikan para pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2025 anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat. - Foto : Haniza Abdul Latif.

PESERTA atlet olahraga beraksi pada Kejohanan ASG14 2025 yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 35 PELAJAR STAR



KATOK, Ahad, 30 November. - Bagi menzahirkan rasa syukur serta meraih keberkatan dan syafaat Al-Quran sempena tamat pengajian, Jabatan Pengajian

Islam (JPI) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 35 orang pelajar Tahun II Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) bagi Sesi

2024-2025 yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Katok.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Penolong Pengarah (Perkhidmatan Korporat) JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Wajdi 'Aboqai bin Haji Mohammad Junaidi, serta penyampaian sijil khatam dan hadiah galakan pelajar terbaik oleh tetamu khas majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Tenaga Pengajar Kelas Lanjutan Bayyati, STAR Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah.

STAR mula diperkenalkan pada



PENOLONG Pengarah (Perkhidmatan Korporat) Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Haslinah Susanti binti Haji Mohd. Hassan hadir selaku tetamu khas majlis (atas), manakala gambar kiri, Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 35 orang pelajar Tahun II Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) bagi Sesi 2024-2025.

■ **Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

tahun 1997 bagi membimbing para pelajar yang berpotensi dalam bidang pembacaan Al-Quran untuk dijadikan pelapis Qari dan Qariah negara ke arah mendukung hasrat

negara untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dan budaya dalam kehidupan seharian.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Persembahan dron warnai malam ibu kota

■ Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



ANTARA persembahan dron yang menarik dan menakjubkan pada acara Drone Light Show bagi memeriahkan lagi Karnival Mega BIBD yang diadakan di kawasan Taman Mahkota Jubli Emas (atas, bawah dan bawah sekali).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pemandu Berhemah, Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 3 Disember 2025
2. 'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025
3. 'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENGHARGAAN KEPADA SAUDARA BAHARU KONSISTEN MENGIKUTI KELAS BIMBINGAN MUALAF

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - Dalam usaha memperkukuh dan memperkasa penghayatan agama Islam dalam kalangan mualaf, Bahagian Pembangunan Muallaf melalui Tarbiyah Muallaf, Pusat Da'wah Islmiah (PDI) baru-baru ini mengadakan Majlis Apresiasi Kelas Bimbingan Muallaf Daerah Brunei dan Muara (DBM) Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis berkenaan menjadi platform pengiktirafan kepada peserta yang telah menunjukkan komitmen tinggi serta mengikuti

sesi bimbingan secara konsisten sepanjang tahun.

Objektif utama penganjuran majlis adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada saudara-saudara baharu yang telah berjaya mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf bagi DBM, di samping memberikan motivasi kepada peserta lain untuk terus meningkatkan mutu bacaan Al-Quran masing-masing.

Antara pengisian majlis berkenaan ialah persembahan bacaan Al-Quran secara murattal oleh peserta Kelas Bimbingan

Muallaf dengan tujuan memberi peluang kepada mereka untuk tampil ke hadapan mempersembahkan bacaan Al-Quran serta menyuntik semangat kepada peserta lain termasuk peserta Kelas Iqra untuk lebih giat mempelajari dan memperbaiki bacaan Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para peserta, Pemangku Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Awang Muhammad Yusri bin Haji Abd. Majid.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama


Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Guru Kelas Bimbingan Muallaf, PDI, Awang Mohammad Iswandy bin Haji Abu Bakar.

Penganjuran majlis berkenaan juga bertujuan memperlihatkan hasil pembelajaran Al-Quran para

peserta Kelas Bimbingan Muallaf, menghargai komitmen serta potensi mereka yang konsisten mengikuti Kelas Al-Quran, di samping menilai keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan.



SESI bergambar ramai pada Majlis Apresiasi Kelas Bimbingan Muallaf Daerah Brunei dan Muara Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.



Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei

kelemahan kriptografi serta tindakan yang diperlukan untuk memperkukuh keselamatan siber masa hadapan.

Para penceramah juga mengetengahkan realiti teknikal dan pertimbangan dasar yang perlu diberi perhatian oleh NBD. Sesi-sesi berkenaan menekankan kepentingan kesediaan proaktif, perancangan jangka panjang dan peranan penting penyelarasan agensi.

Program berkenaan menyediakan peluang berharga kepada agensi-agensi untuk merenungkan tahap kesediaan

negara pada masa ini, bertukar pandangan, mengenal pasti jurang dan membincangkan langkah seterusnya untuk masa hadapan.

Perbincangan berkenaan turut mengukuhkan pemahaman kolektif mereka tentang apa yang diperlukan untuk terus mendahului ancaman kuantum.

CSB bersama-sama NACSA dan PTPKM kekal komited untuk memajukan keselamatan siber negara dan juga bekerjasama dalam bidang kritikal berkenaan bagi memastikan NBD bersedia sepenuhnya menghadapi cabaran era pasca-kuantum.

Memperkukuh pemahaman negara tentang teknologi kuantum



BENGKEL Teknologi Pasca-Kuantum dan Kriptografi Pasca-Kuantum (Post-Quantum Technology and Post Quantum Cryptography Workshop) pertama yang diadakan baru-baru ini di Dewan An-Naura.

teknologi kuantum, menilai kesediaan Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap Post-Quantum Cryptography (PQC) dan menyelaraskan usaha negara ke arah berkenaan.

Selain itu, ia juga menekankan keperluan mendesak untuk memulakan perancangan bagi kriptografi pasca-kuantum.

Taklimat disampaikan oleh penceramah jemputan, iaitu Ts. Dr. Mohd. Anuar bin Mat Isa, Dr. Solahuddin Shamsuddin, Dr. Zahari bin Mahat dan Profesor Madya Dr. Nor Azman bin Abu, yang berkongsi pandangan pakar tentang perkembangan pengkomputeran kuantum,

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - Cyber Security Brunei (CSB), dengan kerjasama National Cyber Security Agency (NACSA) serta Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptografi Malaysia (PTPKM) telah berjaya menganjurkan Bengkel Teknologi Pasca-Kuantum dan Kriptografi Pasca-Kuantum (Post-Quantum Technology and Post Quantum Cryptography Workshop) pertama yang diadakan baru-baru ini di Dewan An-Naura.

Program berkenaan telah dihadiri oleh seramai 60 wakil daripada pelbagai agensi utama negara, termasuk keselamatan dan pertahanan, jabatan kerajaan, badan kawal selia, bank-bank tempatan utama serta universiti yang terlibat dalam pembangunan teknologi dan keselamatan siber.

Program dua hari berkenaan berfungsi sebagai platform penting untuk pakar, pembuat dasar dan agensi utama bagi memperkukuh pemahaman negara tentang



Teliti keperluan penting sebelum bercuti

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

CUTI penggal keempat persekolahan telah pun bermula kelmarin Ahad, 30 November 2025 dan akan berakhir pada Rabu, 31 Disember 2025. Tempoh cuti sebulan penuh ini merupakan cuti paling panjang dalam Kalendar Penggal-penggal Persekolahan dan Hari-hari Kelepasan Awam bagi Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 2025 Masihi / 1446 & 1447 Hijrah yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan, NBD.

Oleh itu, ia adalah masa paling sesuai untuk melakukan aktiviti keluarga, melancong ataupun mengikuti program kem motivasi. Cuti panjang inilah juga memberi ruang kepada pelajar dan guru untuk berehat selepas empat penggal persekolahan sepanjang tahun. Selepas cuti penggal ini akan disusuli pula dengan cuti tahun baharu dan seterusnya disusuli pula dengan persediaan untuk sesi persekolahan baharu yang akan bermula pada awal Januari.

Lazimnya orang *kitani* sudah mula merancang aktiviti bercuti bulan Disember lebih awal lagi. Ini termasuklah pembelian tiket pesawat, pengangkutan, tempahan hotel dan juga penyediaan peruntukan ahli keluarga sepanjang tempoh bercuti. Malah ada juga yang sejak awal lagi membuat penyelidikan mengenai tempat-tempat menarik untuk dikunjungi melalui perkongsian di Travel Blog, TikTok dan media sosial lainnya. Penyelidikan ini penting terutama bagi mereka yang bukan mengikuti pakej pelancongan dan hanya melancong

secara DIY (*do-it-yourself*). Ini juga bagi memudahkan kita merancang perbelanjaan sepanjang berada di luar negara.

Namun dalam keseronokan kita bercuti keluar negara ini, ada beberapa perkara penting yang patut diambil perhatian supaya perjalanan lebih selamat dan lancar.

Semak pasport semua ahli keluarga yang bakal bercuti dan pastikan tempoh sah adalah lebih daripada enam bulan. Cari tahu mengenai keperluan masuk ke negara destinasi seperti visa, permit, mahupun kad ketibaan. Simpan salinan digital dan fizikal pasport, tiket dan insurans untuk keperluan mendadak di negara destinasi.

Ambil vaksin mengikut jenis yang diperlukan bagi negara-negara tertentu.

Ada orang kurang mengambil berat tentang keperluan membeli insurans perjalanan. Ini perlu bagi melindungi diri daripada kos rawatan atau kecemasan. Sebaiknya cari insurans yang turut membuat perlindungan kepada rumah dan harta benda yang ditinggalkan. Sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban sekiranya ada apa-apa berlaku.

Selain itu, bawa ubat asas seperti *paracetamol*, ubat selesema dan sebagainya, pelitup muka dan pensanitasi tangan. Lebih mudah, ubat-ubatan ini dibawa dari rumah bagi menjimatkan masa pergi ke klinik dan kita juga tidak tahu berapa harganya jika membeli di destinasi melancong.

Jika melancong menggunakan pesawat, pastikan tiada barang tegahan yang dibawa. Pastikan barang-barang yang boleh dibawa pada bagasi *check in* dan barang untuk *hand*

carry.

Dari segi kewangan pula, sebaiknya tukar sedikit mata wang sebelum berlepas dan jangan bergantung sepenuhnya pada kad. Jangan lupa aktifkan penggunaan antarabangsa kad kredit / debit dan simpan wang tunai dengan baik dan elakkan membawa wang tunai pada jumlah yang besar.

Bagi mereka yang berhasrat membeli SIM tempatan, disarankan untuk memilih pelan data yang sesuai dan berbaloi untuk digunakan sepanjang tempoh keberadaan di negara berkenaan.

Simpan nombor telefon pihak kedutaan untuk kegunaan kecemasan. Jangan lupa untuk mendaftar e-Register yang boleh diakses pada laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, <https://www.mfa.gov.bn/>. Sistem e-Register membolehkan warganegara dan penduduk tetap NBD yang akan mengembara ke luar negara sama ada untuk belajar, bekerja atau bersantai untuk merekod maklumat tentang jadual perjalanan mereka ke luar negara.

Maklumat yang diberikan adalah bagi membolehkan awda dihubungi bagi memastikan keselamatan dan, jika perlu, memberikan bantuan dalam kes-kes kecemasan. Semua maklumat yang diberikan adalah sangat sulit.

Apabila berada di luar negara, elakkan kawasan berisiko dan sentiasa merujuk nasihat perjalanan daripada pihak kerajaan tempatan. Paling penting, jangan tunjuk barang berharga bagi mengurangkan risiko menjadi sasaran pencuri. Sentiasalah berwaspada dan peka dengan keadaan

sekeliling, terutama di tempat sesak.

Keselamatan rumah

Dalam kita berseronok bercuti, keselamatan rumah juga perlu diutamakan. Kunci semua pintu dan tingkap serta pastikan tiada ruang mudah untuk penceroboh masuk ke rumah *biskita*. Sebaiknya pasang lampu automatik / *timer* supaya rumah kelihatan berpenghuni. Aktifkan sistem keselamatan bagi mereka yang mempunyai CCTV.

Maklumkan jiran atau ahli keluarga supaya mereka boleh membantu memantau rumah *biskita*. Paling penting, jangan mengemaskini ketiadaan awda di rumah pada media sosial kerana ditakuti diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Hentikan penghantaran surat atau *parcel* kerana surat atau *parcel* bertimbun boleh menandakan rumah kosong.

Matikan peralatan elektrik dengan mencabut *plug* peralatan yang tidak digunakan. Pastikan tiada kebocoran pada paip dan gas sebelum berangkat.

Penutup

Dalam keseronokan bercuti, sememangnya beberapa persediaan harus dibuat sama ada dari segi persediaan untuk melancong luar negara dan juga persediaan pada meninggalkan harta benda di tanah air. Ini penting bagi menjaga kesihatan mental kita sepanjang bercuti agar segalanya berjalan dengan lancar tanpa gangguan daripada perkara yang tidak diingini.





Abdul Halim : Belia tempatan berjaya tawan Gunung Everest

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Abdul Halim Adi

UNTUK menjadi seorang belia yang berwawasan, tidak semestinya dengan menjadi seorang graduan yang berjaya dengan segolong ijazah tetapi apa yang penting ialah apa yang ada dalam diri belia tersebut seperti kebolehan dalam bidang seni, sukan, keusahawanan dan sebagainya. Kali ini, Belia Berwawasan mengetengahkan lagi seorang belia tempatan kita yang baru-baru ini telah berjaya menakluki salah satu gunung tertinggi di dunia iaitu Gunung Everest.

Abdul Halim bin Adi yang berusia 36 tahun berasal dari Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong antara belia yang telah berjaya menjadikan impiannya untuk melengkapkan pendakiannya ke Gunung Everest tercapai dan ini juga menjadikannya antara rakyat dan belia Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berjaya mendaki gunung yang tertinggi tersebut.

Sebelum ini, Abdul Halim yang juga merupakan bekas seorang perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei belum pernah mendaki mana-mana gunung tertinggi di dunia dan ini merupakan pengalaman pertama beliau.

Abdul Halim yang juga merupakan seorang pakar pemakanan diet, berperanan dalam membantu mereka yang mengalami

obesiti dan sudah enam tahun berkecimpung di dalam bidang tersebut. Beliau juga aktif menjalankan kehidupan sihat dengan mendaki bukit setiap Ahad dan inilah yang menjadi perangsang serta semangat yang kuat untuknya mencuba nasib mendaki Gunung Everest sekali gus mencabar kebolehan diri sendiri.

Menurut Abdul Halim lagi, dengan berbekalkan kegigihan dan juga berkat doa daripada kedua orang tua, beliau berjaya menamatkan pendakiannya dengan ketinggian 5.364 meter dari paras laut dan apa yang menjadikan Abdul Halim begitu bersyukur sekali ketika ia mengibarkan bendera NBD dengan megahnya di puncak Everest berkenaan.

Abdul Halim yang merupakan peserta tunggal dari NBD, mengongsikan titik pengalaman beliau ketika mendaki Gunung Everest dan perasaan mendaki gunung tersebut bersama ahli rombongan dari Malaysia.

"Perasaan gementar, hiba dan semangat yang berkobar-kobar semuanya bercampur baur apatah lagi ketika mendaki gunung tersebut. Pelbagai rintangan terpaksa dihadapi seperti *high altitude, low oxygen* kerana semakin tinggi pendakian menuju ke puncaknya, semakin susah untuk mengatur nafas disebabkan kurangnya oksigen berikutan suhu yang sangat sejuk sehingga mencapai -25 darjah Celsius," ujar Abdul

Halim.

Jelasnya lagi, perjalanan menuju ke Everest Base Camp mengambil masa selama 14 hari bermula dari 6 hingga 20 Oktober dan ini merupakan pengalaman pertama yang paling berharga dalam kehidupannya. Pendakian tersebut banyak mengajar erti kesabaran dan semangat kerjasama bersama-sama rombongan.

"Sepanjang pendakian, ia mengambil masa lapan ke sembilan jam sehari selama tujuh hari untuk naik ke puncak dan untuk turun pula mengambil masa kira-kira 10 ke 11 jam selama tiga hari di mana keseluruhannya selama 10 hari bagi pergi dan balik dengan cuaca yang cukup panas ditambah pula dengan keadaan jalan yang cukup licin berikutan salji dan kekurangan oksigen. Ditambah pula semasa menuju ke Labuche dan seterusnya ke Gorakshep yang mengambil masa selama lima jam, mereka juga diserang dengan Acute Mountain Sickness (AMS) dengan keadaan demam, sakit kepala dan sakit mata yang menyebabkan hilangnya selera makan namun kami tetap meneruskan perjalanan sehingga sampai ke Base Camp," jelas beliau lagi.

Menurut Abdul Halim, meskipun dirinya bukan orang atau belia tempatan pertama yang berjaya menjejaki Everest Base Camp tetapi beliau begitu berbangga dengan

kejayaannya mengibarkan bendera negara di puncak Gunung Everest berkenaan. Beliau seterusnya berazam untuk mendaki gunung di Himalayan Nepal hingga ke puncaknya dan merancang untuk menakluki puncak Gunung Kinabalu pada bulan Disember nanti.

Pada kesempatan ini juga, Abdul Halim turut memberikan semangat kepada belia-belia di negara ini untuk tidak membuang kesempatan yang ada, dengan menyertai rombongan yang merancang untuk membuat aktiviti mendaki gunung kerana inilah kesempatan kita sebagai belia di negara ini membuktikan kemampuan kita di dalam memperkenalkan negara di mata dunia melalui aktiviti tersebut.

Tegas Abdul Halim, apa pun yang kita ceburi atau kehendaki, sertakanlah di dalam diri kita semangat yang waja dan niat yang ikhlas bak kata pepatah, '*Tak kan lari gunung dikejar jika mendaki gunung itu adalah mimpimu, maka kejarlah mimpimu hingga menjadi kenyataan*'.

"Semoga kejayaan pendakian yang saya capai ini akan menjadi inspirasi kepada belia tempatan di negara ini untuk mencapai sesuatu impian, kita perlu menempuh cabaran dan harus cekal serta kuat sebelum merasa kemanisan kejayaan yang diraih," ujar Abdul Halim mengakhiri perbualan.

MINGGU BUDAYA CINA DILANCARKAN DI KATHMANDU



PELAJAR Nepal membuat persembahan tarian Cina semasa Majlis Pembukaan Minggu Budaya Cina di Kathmandu, Nepal, 28 November 2025.

KATHMANDU, 30 Nov. - Sebagai sebahagian daripada sambutan ulang tahun ke-70 penubuhan hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China dan Nepal, Minggu Budaya Cina telah diadakan di Kathmandu, Nepal, pada Jumaat.

Acara tersebut dianjurkan bersama oleh Institut Confucius di Universiti Kathmandu (CIKU)

dan Institut Confucius di Universiti Tribhuvan (CITU).

Penubuhan hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China dan Nepal telah mencapai usia 70 tahun, manakala pertukaran dan persahabatan antara kedua-dua negara telah terjalin melebihi tujuh dekad, kata Rajeev Shrestha, pendaftar Universiti Kathmandu, semasa majlis pembukaan.

Sementara itu, Li Shuangcheng, pengarah Cina CIKU berkata, aktiviti pertukaran budaya berperanan penting dalam meningkatkan pemahaman dan

persahabatan antara rakyat.

"Acara ini akan membolehkan rakyat Nepal menghargai warisan yang kaya dan daya tarikan unik budaya Cina melalui pengalaman secara imersif, seterusnya mengukuhkan lagi persahabatan antara China dan Nepal," katanya.

Semasa minggu budaya itu, pelbagai aktiviti budaya Cina termasuk nyanyian Cina, lukisan, kaligrafi, bacaan puisi, seni mempertahankan diri, masakan dan pameran budaya, bersama pertandingan bahasa Cina, akan dijalankan oleh kedua-dua institut Confucius berkenaan. - ©XINHUA

Dunia yang berbeza jika wanita memegang kuasa, kata bekas Presiden Republik Kosovo

KUALA LUMPUR, 30 Nov. - Dunia akan menjadi "tempat yang jauh berbeza" sekiranya lebih ramai wanita berada di posisi kuasa, kata bekas Presiden Republik Kosovo Atifete Jahjaga, yang pernah mencipta sejarah sebagai ketua negara wanita pertama republik itu, sambil menyeru agar wanita diberikan tempat dalam proses menentukan dasar.

Beliau berada di Kuala Lumpur untuk lawatan kerja sempena "WE2025: Future in Motion", sebuah platform serantau yang menghimpunkan pemimpin wanita dalam bidang perdagangan, pelaburan dan inovasi.

Katanya, program itu memberi peluang kepada wanita untuk menyuarakan pandangan dan mengembangkan rangkaian mereka di tengah-tengah cabaran global masa kini.

"Apa yang saya ingin lihat lebih lanjut dalam WE2025 ialah pelaksanaan hasil konkrit yang berterusan.

"Saya tidak mahu perkara-perkara ini kekal sebagai kertas dasar atau sekadar senarai yang perlu ditanda, tetapi diterjemahkan kepada tindakan sebenar di lapangan kerana ia berkait rapat dengan kesan terhadap kehidupan masyarakat," katanya kepada Bernama pada Rabu.

WE2025 berteraskan lima tiang utama iaitu Ekonomi Wanita, Pemerkasaan, Keusahawanan, Kecemerlangan dan Evolusi, yang bertujuan meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi serantau melalui dialog dasar, kerjasama strategik serta peluang perdagangan dan pelaburan.

Jahjaga, yang memimpin Republik Kosovo dari 2011 hingga 2016, memegang jawatan itu hanya tiga tahun selepas negara berkenaan mencapai kemerdekaan daripada Serbia pada 2008, mengetuai negara pasca konflik yang masih muda sambil memperkukuh pemerkasaan wanita dan kepimpinan inklusif.

Beliau mengamalkan pendekatan berbeza dalam membuat keputusan, banyak bergantung pada pengalaman kerjayanya dalam Polis Republik Kosovo untuk dekat dengan rakyat.

Matlamat utamanya sebagai pegawai polis adalah mengubah persepsi masyarakat terhadap pihak berkuasa daripada imej menakutkan kepada sebuah institusi yang

benar-benar berkhidmat dan melindungi rakyat.

"Saya membawa pengalaman dan kepakaran itu ke dalam proses membuat keputusan dan ia sangat membantu sepanjang tempoh saya sebagai presiden untuk menilai situasi di lapangan dengan lebih tepat, terutama keperluan dan kehendak rakyat saya," katanya.

Selain isu wanita dalam kepimpinan tertinggi, bekas presiden itu berkata ramai wanita masih berdepan pelbagai halangan tanpa mengira geografi atau tahap pembangunan.

Beliau memetik keganasan berasaskan jantina, ketidaksetaraan ekonomi, perlindungan undang-undang yang terhad, kekurangan akses kepada pendidikan, jurang gaji, halangan kepada penjagaan kesihatan, kekurangan wakil politik, kerja domestik tidak berbayar, diskriminasi di tempat kerja dan gangguan dalam talian sebagai antara isu utama yang membelenggu wanita.

Namun, katanya, wanita sebenarnya mempunyai potensi besar untuk menangani isu-isu itu.

Beliau menegaskan keterangkuman, ketelusan dan empati merupakan kunci kejayaan dalam era masa kini.

"Ia adalah nilai tambah kepada negara dan dalam konteks kami (peranan wanita), inilah cara kami memimpin negara," katanya.

Beliau turut menggariskan kemajuan Republik Kosovo menerusi penyertaan wanita dalam politik, khususnya kadar kuota wanita dalam parlimen yang lebih tinggi.

"Saya dengan bangganya boleh mengatakan bahawa Kosovo merupakan antara contoh terbaik di seluruh wilayah tenggara Eropah. Hari ini kami mempunyai lebih 40 peratus wanita diwakili," katanya.

Selepas tamat tempoh pentadbirannya, beliau menubuhkan Yayasan Jahjaga pada 2018 untuk meneruskan khidmat kepada negara.

Yayasan itu memberi tumpuan kepada pendidikan, pemerkasaan ekonomi serta penyertaan penuh wanita dewasa dan golongan belia dalam politik.

Selain itu, yayasan berkenaan turut menjadi platform menangani isu-isu masyarakat pasca perang termasuk jenayah terancang, rasuah dan ekstremisme ganas.

"Kami melalui jalan yang sukar

sebagai rakyat Kosovo, termasuk sebagai sebahagian daripada wilayah Balkan Barat atau tenggara Eropah.

"Saya ingin terus menyumbang dalam membina jambatan antara kumpulan komuniti yang berbeza di Kosovo dan di rantau ini," katanya.

Beliau berkata kira-kira 61 peratus penduduk Republik Kosovo berusia bawah 28 tahun, menekankan keperluan mendesak untuk mewujudkan platform bagi membina pengalaman dan kepakaran generasi muda dalam bidang-bidang itu.

"Saya mahu menawarkan platform ini kepada golongan muda lelaki dan perempuan Kosovo, menggunakan kewibawaan moral sebagai bekas presiden untuk membantu mereka melakukan perkara yang betul demi negara dan rakyat mereka," jelasnya.

Setelah kembali ke Malaysia selepas lebih 10 tahun lawatan rasminya sebagai presiden, beliau berkata layanan mesra dan sikap ramah rakyat Malaysia masih seperti dahulu.

Pesanannya kepada anak muda Malaysia ialah supaya memelihara nilai tersebut.

"Peliharalah ia sebaik mungkin kerana inilah identiti negara anda. Saya datang dari budaya yang hampir sama dan kami juga sedang berusaha memeliharanya sebaik mungkin, kerana ini satu jasa kepada negara dan generasi muda," katanya.

Dalam konteks diplomatik, beliau menzahirkan penghargaan kepada kerajaan Malaysia atas sokongan berterusan terhadap Republik Kosovo.

"Malaysia merupakan antara negara pertama yang menghantar pasukan tentera ke Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Kosovo sejurus selepas perang berakhir bagi membantu negara kami, rakyat kami dan institusi kami membina serta membangunkan semula tanah air," katanya.

Beliau berkata apabila Republik Kosovo mengisytiharkan kemerdekaan, Malaysia merupakan antara negara Asia pertama yang mengiktiraf republik itu.

Pada Mei 2025, Republik Kosovo membuka kedutaan rasminya di Kuala Lumpur, menandakan satu detik penting dalam memperluas kehadiran diplomatik dan mengukuhkan hubungan dengan Malaysia. - ©BERNAMA

Suspek letupan Nord Stream direman di Jerman

KARLSRUHE (Jerman), 29 Nov. - Suspek dalam serangan saluran paip Nord Stream pada 2022 direman di Jerman pada Jumaat selepas diekstradisi dari Itali, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Rakyat Ukraine Serhij K. yang tidak boleh dinamakan sepenuhnya kerana undang-undang privasi Jerman diarahkan penahanannya oleh seorang hakim di Mahkamah Keadilan Persekutuan di Karlsruhe, kata jurucakap Pejabat Pendakwa Raya Persekutuan.

Serangan ke atas projek berprestij Jerman-Rusia itu menjadi tajuk utama di seluruh dunia pada musim luruh 2022. Beberapa letupan berhampiran pulau Bornholm di Denmark di Laut Baltik merosakkan dua saluran paip sehingga gas tidak lagi dapat disalurkan.

Gas asli Rusia sebelum ini disalurkan melalui Nord Stream 1 ke Jerman. Nord Stream 2 disiapkan sejurus sebelum Rusia menyerang Ukraine, dan tidak pernah beroperasi. Tiada sesiapa pun yang dihadapkan ke muka pengadilan setakat ini kerana serangan itu.

Serhij K., 49 tahun, ditahan pada akhir Ogos semasa bercuti bersama keluarganya di pantai Adriatik. Dia menentang ekstradisinya melalui saluran perundangan dan juga melakukan mogok lapar kerana dakwaan penganiayaan.

Minggu lalu, mahkamah agung Itali memberi lampu hijau untuk ekstradisinya. Dia diserahkan kepada pihak berkuasa Jerman pada Khamis.

Pendakwa raya Jerman melakukan pendakwaan terhadap lelaki itu kerana bersama-sama menyebabkan letupan pada saluran paip gas Laut Baltik pada 2022. Menurut pendakwa raya, dia adalah antara penyelaras operasi. Dia menafikan tuduhan tersebut.

Penyiasat berkata pasukan tujuh suspek itu turut termasuk empat penyelam. Seorang lagi, iaitu penyelam yang didakwa terlibat sedang ditahan di Poland. Hakim negara itu bagaimanapun menolak permintaan ekstradisi Jerman dan dia dibebaskan. - ©BERNAMA

Airbus keluarkan kemas kini perisian berjaga-jaga untuk pesawat siri A320

ISTANBUL, 29 Nov. - Airbus pada Jumaat mengarahkan pelaksanaan segera kemas kini perisian berbentuk langkah berjaga-jaga untuk pesawat siri A320 selepas dikenal pasti bahawa sinaran matahari berintensiti tinggi boleh merosakkan data penting bagi fungsi kawalan penerbangan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan pada Jumaat, Airbus memaklumkan bahawa sejumlah besar pesawat siri A320 yang sedang beroperasi kini dikenal pasti berpotensi terjejas.

Airbus turut menjelaskan bahawa pihaknya telah bekerjasama secara proaktif dengan pihak berkuasa penerbangan untuk meminta tindakan berjaga-jaga segera daripada pengendali melalui Alert Operators Transmission (AOT).

"AOT ini akan diterjemahkan kepada Arahan Kelayakan Udara Kecemasan yang akan dikeluarkan oleh Agensi Keselamatan Penerbangan Kesatuan Eropah (EASA).

"Airbus mengakui bahawa langkah yang dicadangkan ini akan menyebabkan gangguan operasi kepada penumpang dan pelanggan.

"Kami memohon maaf atas kesulitan yang timbul dan akan bekerjasama rapat dengan pengendali, manakala keselamatan kekal sebagai keutamaan kami," menurut kenyataan itu.

Susulan pengumuman itu, syarikat penerbangan kebangsaan Türkiye, Turkish Airlines mula melaksanakan prosedur yang diperlukan bagi lapan pesawat miliknya.

"Lapan pesawat A320 dalam armada kami telah dinilai di bawah garis panduan ini dan akan kembali beroperasi dengan selamat selepas melengkapkan prosedur selaras dengan arahan berkaitan.

"Sepanjang proses ini, kami mematuhi arahan semua agensi yang berkaitan, khususnya EASA dan bekerjasama dengan Airbus bagi memastikan kemas kini perisian yang diperlukan dapat dilaksanakan," kata Naib Presiden Kanan Komunikasi Turkish Airlines, Yahya Ustun di platform X. - ©BERNAMA

KEMENTERIAN KESIHATAN JUARA KEJOHANAN BOLING HPA KE-32



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas), manakala gambar atas kanan, antara peserta ketika beraksi.

BELAIT, Ahad, 30 November. - Kejohanan Boling antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025 berakhir hari ini dengan beberapa kategori perlawanan bertempat di Pusat Bowling GoStrike, Pekan Seria.

Kategori-kategori yang dipertandingkan ialah Perseorangan Lelaki, Perseorangan Wanita, Berpasukan Lelaki dan Berpasukan Wanita.

Dalam Kategori Perseorangan Lelaki, Md. Ruzaini bin Zakaria dari

Kementerian Pendidikan muncul juara. Manakala naib juara dan tempat ketiga masing-masing diraih oleh Mohammad Zukrien bin Abdullah Zoolhilmi dari Kementerian Pembangunan dan Abdul Salam Rajab dari Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, muncul juara dalam Kategori Perseorangan Wanita dirangkul oleh Dayang Fatin Adilah Mahadi dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala naib juara diraih oleh Erny Marni Marsitawati binti Wahid dari Jabatan Perdana Menteri dan tempat ketiga pula

disandang oleh Nurul Hasimah Haziqah binti Haji Jumarali dari Kementerian Kesihatan.

Dalam Kategori Berpasukan Lelaki, pasukan Kementerian Kesihatan muncul juara dan naib juara pula disandang oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan tempat ketiga diraih oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi Kategori Berpasukan Wanita, Pasukan Kementerian Kesihatan dinobatkan sebagai juara sementara naib juara dan tempat ketiga masing-masing diraih oleh Pasukan Kementerian

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin



Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dengan keputusan itu, Kementerian Kesihatan muncul juara secara keseluruhan dalam Kejohanan Boling antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan HPA Ke-32, Tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Pengarah (Operasi) Radio Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Muhammad Kifli, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Kejohanan kendalian Jabatan RTB yang bermula sejak 28 November 2025 ini menyaksikan penyertaan sebanyak 10 pasukan yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian masing-masing.

Kementerian-kementerian yang menyertai kejohanan ini adalah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

The Brunei Half Marathon beri pengalaman baharu, cerminkan semangat masyarakat



AWANG Haji Muhammad Syazwan Teo bin Abdullah dan Awang Mastani bin Mohd. Yussop (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 November. - The Brunei Half Marathon (TBHM) 2025 mencatat sejarah baharu apabila acara larian antarabangsa itu diadakan buat pertama kalinya di atas Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS).

Penganjuran acara tersebut bukan sahaja memberikan pengalaman baharu kepada para peserta, malah turut menjadikan ia antara acara larian paling menarik pernah dianjurkan di negara ini.

Penganjuran tahun ini merupakan hasil kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan pihak swasta yang bertujuan menjadikan TBHM sebagai acara bertaraf antarabangsa.

Kerjasama tersebut dijangka akan dapat menarik lebih ramai peserta dari dalam dan luar negara selain menggalakkan masyarakat

mengamalkan gaya hidup sihat.

Dengan kehadiran ribuan peserta daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang, acara ini mencerminkan semangat masyarakat untuk mencuba pengalaman baharu serta melibatkan diri dalam aktiviti kecergasan.

Pelita Brunei berkesempatan menemui bual tiga peserta yang berkongsi pengalaman, persediaan dan harapan mereka terhadap penganjuran acara tersebut.

Awang Haji Muhammad Syazwan Teo bin Abdullah berumur 62 tahun dan berasal dari Daerah Tutong, merupakan salah seorang peserta bagi Kategori 3 Kilometer (km) Fun Run. Menurut beliau, penyertaannya kali ini berlaku tanpa dirancang apabila terpilih dalam satu kuiz semasa menghadiri Sabre Travel Fair.

"Secara peribadi, saya jarang mengikuti acara larian. Namun Alhamdulillah, ketika berada di Sabre Travel Fair, saya berpeluang menyertai kuiz berkaitan TBHM. Dengan bantuan anak saya menjawab soalan-soalan tersebut, saya telah memenangi penyertaan bagi Kategori Fun Run," jelasnya.

Mengulas mengenai pandangan awal beliau terhadap penyertaan itu, Awang Haji Muhammad Syazwan menyatakan bahawa ia merupakan peluang berharga

untuk mencuba sesuatu yang baharu serta memupuk gaya hidup sihat.

"Penyertaan ini merupakan pengalaman bermakna kerana saya dapat mencabar diri dan kembali aktif. Ia memberi peluang untuk saya menambah stamina dan mengamalkan gaya hidup lebih sihat," tambahnya.

Mengenai persediaan pula, beliau memulakan aktiviti fizikal ringan secara beransur-ansur. "Apabila umur semakin meningkat, saya akui kurang bersukan seperti dahulu. Namun pada zaman muda, saya aktif dalam pelbagai jenis sukan. Minat saya terhadap aktiviti larian membantu saya untuk kembali membina stamina. Walaupun tidak selalu bersukan, saya banyak melakukan aktiviti luar rumah yang membantu tubuh saya terbiasa dengan cuaca panas dan berpeluh," ujarnya.

Beliau turut berharap agar penganjuran TBHM dapat diteruskan pada masa akan datang dan menjadi inspirasi kepada lebih ramai orang untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Seorang lagi peserta, Awang Mastani bin Mohd. Yussop turut berkongsi pengalamannya sebagai peserta larian tersebut.

"Saya berasa sangat bangga menyertai maraton yang diadakan buat pertama kalinya berlangsung di Jambatan SHOAS. Tambahan pula, saya berjaya meraih tempat ketiga dalam Kategori 10km Men Master," jelas beliau.

Beliau turut menyatakan bahawa penyertaannya kali ini bertujuan menambah pengalaman dalam dunia larian. Tambahan pula, ini

merupakan kali pertama acara seperti ini diadakan di Jambatan SHOAS, jambatan penghubung antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong, jadi beliau mahu merasai sendiri suasana larian tersebut.

Menurutnya lagi, kehadiran pelari antarabangsa turut meningkatkan standard pertandingan serta meriahkan suasana.

"Saya berharap acara ini akan diadakan setiap tahun bagi menarik lebih ramai pelancong dan pelari dari luar negara untuk turut serta memeriahkan lagi suasana," katanya.

Mengulas mengenai persediaan, Awang Mastani menjelaskan bahawa latihan perlu dilakukan secara konsisten dan memerlukan tempoh masa panjang.

"Persediaan saya mengambil masa hampir setengah tahun. Saya menjaga pemakanan, memastikan tidur mencukupi dan minum air secukupnya. Semua ini penting untuk memastikan ketahanan fizikal dan mental berada pada tahap terbaik," katanya lagi.

Sementara itu, seorang lagi peserta antarabangsa wanita dari Kenya, Ann Mukhi Njihia berumur 36 tahun, turut menarik perhatian apabila berjaya muncul sebagai juara bagi Kategori Wanita Terbuka 10km. Menyifatkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang indah, beliau melahirkan rasa gembira dengan penganjuran edisi tahun ini.

Menurut Ann, penyertaannya dalam TBHM 2025 merupakan pengalaman yang positif dan

Berita dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

teratur.

"Acara maraton ini sangat teratur dan saya berasa gembira kerana berjaya memenangi perlumbaan bagi Kategori Wanita Terbuka 10km. NBD adalah negara yang sangat indah. Jika acara ini dianjurkan lagi pada masa akan datang, saya pasti akan menyertainya lagi," katanya.

Mengenai persediaan menuju ke acara tersebut, Ann menjelaskan bahawa latihan intensif di negara asalnya banyak membantu meningkatkan prestasi fizikalnya.

"Saya menjalani latihan di Kenya sebagai persediaan. Latihan di sana sangat membantu saya meningkatkan kecergasan dan ketahanan sebelum menyertai



ANN Mukhi Njihia.

PELANCARAN THE BRUNEI HALF MARATHON 2025



TETAMU kehormat majlis berkunjung ke ruang-ruang jualan sempena Festival Disember Brunei Ke-9 yang mengambil tempat di Stadium Tertutup, Berakas.

BERAKAS, Sabtu, 29 November. - The Brunei Half Marathon (TBHM) 2025 telah dilancarkan secara rasmi hari ini, sekali gus menandakan pembukaan Festival Disember Brunei Ke-9.

Majlis pelancarannya berlangsung di Stadium Tertutup, Berakas dan disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan, Yang Berhormat menzahirkan rasa bangga atas penganjuran maraton pertama seumpamanya di negara ini yang turut menonjolkan mercu tanda ikonik negara, iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sepanjang lebih 27 kilometer. Seramai 3,011 peserta telah berdaftar, termasuk 107 pelari

antarabangsa, sekali gus membuktikan pengiktirafan global terhadap acara tersebut.

Yang Berhormat menekankan bahawa acara seumpama ini memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sektor pelancongan negara, selaras dengan perkembangan positif industri tersebut dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat, penganjuran TBHM turut menjadi antara acara utama Festival Disember Brunei Ke-9, yang mana pada tahun ini menawarkan lebih 200 acara dan pakej penginapan bagi menggalakkan pelancongan domestik.

"Acara berkenaan dijangka menarik ribuan penyertaan dan pengunjung, sekali gus menggalakkan keterlibatan masyarakat serta menyumbang kepada pengukuhan sektor pelancongan dan ekonomi setempat.

"Pelancaran TBHM 2025 dan Festival Disember Brunei Ke-9 mencerminkan kerjasama erat antara pelbagai agensi, sektor kerajaan dan sektor awam dalam memastikan pelaksanaan pelancongan yang lancar dan berkesan serta menggalakkan perkembangan industri di negeri ini," ujar Yang Berhormat.

Acara larian tersebut dianjurkan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan.

bagi mempromosikan gaya hidup sihat serta mengangkat Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan sukan serantau yang berdaya saing.

TBHM 2025 dijangka menarik penyertaan pelari tempatan dan antarabangsa dari pelbagai kategori yang sesuai untuk atlet di semua peringkat, sekali gus menggalakkan

penyertaan meluas daripada keluarga, pelari berpengalaman serta para penggiat kecergasan.

Edisi tahun ini turut disokong oleh Arrowtech Sports Event Management dan Royal Brunei Airlines selaku rakan penganjur, sekali gus mengukuhkan usaha menampilkan pengalaman larian yang bertaraf antarabangsa.

TBHM 2025 memacu perkembangan pelancongan sukan serantau



PEMENANG Kategori Lelaki Terbuka, David Kipkorir Rono.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - The Brunei Half Marathon (TBHM) 2025 berupaya diangkat untuk menjadi satu lagi acara larian jarak jauh bertaraf antarabangsa setelah penganjuran buat julung kalinya di atas Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS).

Selain untuk mempromosikan serta menjalani gaya hidup sihat dan sebagai inspirasi kepada rakyat di negara ini untuk kekal menjalani aktiviti sukan yang aktif, penganjuran acara tersebut juga dapat mengangkat Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi pelancongan sukan serantau yang berdaya saing.

Beberapa peserta acara 21 kilometer (km) ketika ditemu bual Pelita Brunei mengongsikan mengenai acara yang diadakan

JOHAN Kategori Lelaki Terbuka Tempatan, Awang Ruzaini Mahadi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

itu. Peserta Wanita Terbuka, Henritha Singa semasa ditemui berkata, sebelum mengikuti acara tersebut, beliau telah menjalani latihan setiap minggu iaitu pada hari Selasa dan Khamis, termasuk di hujung minggu.

Beliau juga, katanya, sering menyertai pertandingan larian tempatan di NBD, di samping pertandingan larian *trail* di luar negara.

Jelasnya, meskipun ingin memperbaiki masa larian beliau sebelum ini iaitu 2 jam 15 minit, namun untuk larian kali ini, beliau hanya ingin larian yang santai-santai sahaja dengan menghabiskan larian dalam masa 2 jam 30 minit.

Tambahnya, bagi peserta yang ingin menyertai larian jarak jauh seperti ini, beliau menyarankan mereka untuk menyertai secara berkumpulan kerana ia akan memberikan pengalaman yang lebih



menyeronokkan.

Sementara itu, Mohamad Firfaizzakiyy bin Haji Abd. Ghani tidak melepaskan peluang untuk menyertai acara tersebut sebagai *pacer*.

Jelasnya, para peserta yang mengambil bahagian dalam acara itu sangat bertuah kerana peluang untuk menyertai larian jarak jauh di atas Jambatan SHOAS merupakan satu peluang keemasan dan julung kali diadakan.

Menyentuh mengenai penganjuran TBHM 2025, Mohamad Firfaizzakiyy berkata, ia berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan bukan saja dari peserta dalam negara, malah juga dari luar negara.

Menurutnya, acara larian jarak jauh seperti ini berpotensi untuk mengetengahkan para pelari yang boleh mewakili negara di pertandingan-pertandingan peringkat antarabangsa.

Harapan beliau agar acara seperti TBHM ini diadakan lagi pada masa akan datang dengan jarak yang lebih jauh lagi.

Manakala, johan Kategori Lelaki Terbuka Tempatan, Awang Ruzaini Mahadi menzahirkan perasaan gembira dan tidak menyangka dapat menamatkan larian tersebut di tempat pertama.

Beliau juga berasa sangat berbangga dan berpuas hati kerana berpeluang untuk berlari di atas Jambatan SHOAS memandangkan acara tersebut julung kali diadakan dan sangat dinanti-nantikan khususnya bagi para pelari.

"Saya sangat mengharapkan banyak lagi aktiviti larian jarak jauh diadakan di negara ini bukan

sahaja di Daerah Temburong, tetapi juga di daerah-daerah lain," ujarnya lagi.

Pemenang Kategori Lelaki Terbuka, David Kipkorir Rono dari Kenya juga berasa sangat gembira kerana berjaya menamatkan larian di tempat pertama.

Beliau yang pertama kali menyertai pertandingan di negara ini mengongsikan, larian semasa di atas Jambatan SHOAS pada awalnya sangat selesa namun pada penghujung larian begitu mencabar memandangkan

keadaan angin yang kuat.

Tambahnya lagi, beliau ingin menyertai acara larian jarak jauh yang lain di NBD pada masa akan datang kerana keramahan dan kemesraan yang dirasai daripada rakyat dan penduduk di negara ini.



PESERTA Wanita Terbuka, Henritha Singa dan Mohamad Firfaizzakiyy bin Haji Abd. Ghani (kiri dan kanan).



PARA peserta yang menyertai The Brunei Half Marathon 2025.



LEBIH 1,600 SERTAI ACARA 21KM TBHM 2025



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir menyempurnakan pelepasan acara 21 kilometer The Brunei Half Marathon 2025 di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (kiri). Manakala gambar kanan, acara tersebut telah menarik seramai lebih 1,600 pelari yang terdiri daripada bukan sahaja peserta tempatan malah dari luar negara.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 November. - Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) yang merupakan mercu tanda ikonik Negara Brunei Darussalam menjadi tumpuan bagi lebih 1,600 pelari, bukan sahaja peserta tempatan malah dari luar negara, untuk menyertai acara 21 kilometer (km) The Brunei Half Marathon 2025 (TBHM 2025) sambil menyaksikan pandangan panoramik jambatan sepanjang 27km di waktu malam.

Detik tersebut yang julung kalinya berlangsung di atas Jambatan SHOAS telah disempurnakan pelepasannya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Acara larian 21km mempertandingkan Kategori Terbuka, Kategori Terbuka Tempatan serta Kategori Master Tempatan.

Dalam Kategori Lelaki Terbuka, peserta-peserta dari Kenya iaitu, David Kipkorir Rono dengan mudah menamatkan larian dengan catatan masa 1 jam 6 minit 13.33 saat, diikuti Kelvin Kiplagat Kipruto di tempat kedua dengan catatan masa 1 jam 6 minit 57.91 saat, dan tempat ketiga disandang oleh Frankline Saitoti 1 jam 7 minit 27.55 saat.

Sementara itu, Kategori Perempuan Terbuka juga didominasi peserta dari Kenya iaitu Lucy Ntheynya Ndambuki di tempat pertama, menamatkan

larian dengan catatan masa 1 jam 20 minit 31.68 saat; disusuli Evangeline Makena Katheranya dengan catatan masa 1 jam 20 minit 37.30 saat, dan Alice Kogi yang mencatat masa 1 jam 20 minit 42.46 saat, di tempat ketiga.

Bagi Kategori Lelaki Terbuka Tempatan pula, Ruzaini Mahadi berjaya mendapat tempat pertama dengan catatan masa 1 jam 14 minit 49.78 saat, diikuti Awang Abdul Malik Awang Hidup di tempat kedua dengan catatan masa 1 jam 18 minit 6.76 saat dan tempat ketiga disandang oleh Awang Md. Haqem Darwish dengan catatan masa 1 jam 20 minit 19.43 saat.

Manakala Sefli Ahar dengan catatan masa 1 jam 23 minit 08.06 saat menduduki tempat pertama bagi Kategori Lelaki Master Tempatan, diikuti Awang Haji Busu bin Haji Nudin dengan catatan masa 1 jam 25 minit 32.79 saat di tempat kedua, dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Abdull Matalif Ibrahim dengan catatan masa 1 jam 28 minit 46.07 saat.

Bagi Kategori Perempuan Master Tempatan pula, Dayang Nordiyah Siew dengan catatan masa 1 jam 57 minit 34.59 saat memenangi tempat pertama, disusuli tempat kedua yang dimenangi oleh Dayang Shazana Nabilah Ayob dengan catatan masa 1 jam 59 minit 13.5 saat, dan tempat ketiga disandang oleh Dayang Arnie Asarifa Osman dengan catatan masa 1 jam 59 minit 32.22 saat.

Penyampaian hadiah-hadiah

kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Ketua Perundangan Tentera, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini.

Semua pelari telah melalui laluan perlumbaan yang indah dan direka dengan teliti, menampilkan mercu tanda ikonik Brunei, kehijauan semula jadi, serta semangat komuniti yang mesra.

Bagi memastikan pengalaman larian yang lancar, selamat dan bermakna, lebih 300 sukarelawan daripada kumpulan belia, NGO, persatuan sukan dan komuniti setempat dikerahkan di sepanjang laluan perlumbaan, stesen hidrasi, pusat pemeriksaan perubatan dan kawasan pementasan acara.

Rangkaian agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang luas telah bekerjasama secara kolektif untuk menyokong logistik, keselamatan, kawalan lalu lintas dan perkhidmatan pelawat.

Maraton ini dianjurkan oleh Arrowtech Sports Event Management dan Royal Brunei Airlines, bersama-sama dengan pelbagai penaja korporat dan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) tempatan yang menyumbang kepada acara dan suasana festival.

Perlawanan Dart eratkan silaturahmi



ANTARA 200 peserta berentap memburu kejuaraan dalam Perlawanan Dart Beregu Lelaki Terbuka dan Perseorangan Wanita.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Aimi Sani, Ihsan Kelab Santai Mix Darters

MENTIRI, Ahad, 30 November. - Lebih 200 peserta berentap memburu kejuaraan dalam Perlawanan Dart Beregu Lelaki Terbuka dan Perseorangan Wanita anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu, Mukim Mentiri dengan kerjasama Kelab Santai Mix Darters yang bermula pada 28 November hingga 30 November bertempat di Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Kampung Mentiri.

Perlawanan tersebut telah dirasmikan pada 28 November lepas oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Sungai Buloh, Awang Hamidun bin Mohd. Daud.

Bagi Beregu Lelaki Terbuka, johan akan membawa pulang hadiah wang tunai BND600, naib johan akan menerima BND300, manakala tempat ketiga dan keempat akan menerima hadiah wang tunai BND100 berserta piala iringan.

Sementara itu, bagi Perseorangan Wanita, johan akan membawa pulang hadiah wang tunai BND120, naib johan akan menerima BND80, manakala tempat ketiga dan keempat akan menerima hadiah wang tunai BND50 berserta piala iringan.

Perlawanan bersempena dengan Hari Keluarga itu bertujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi yang sedia ada dalam kalangan para peserta.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LUANGKAN MASA DENGAN AKTIVITI BERMANFAAT BERSAMA KELUARGA PADA MUSIM CUTI SEKOLAH